

ISI KANDUNGAN

TINTA PENGARANG

Kecantikan : Antara Amanah dan Ujian • 1

TITAH

Akhlak Mulia Asas Ketamadunan Islam • 2

PERSPEKTIF ISLAM

Mempergiat Kesenian di Masjid • 4

FOKUS

Tabarruj yang Dilarang • 9

KHUTBAH JUMA'AT

Berpakaian dan Berhias Menurut Islam • 22

MUTIARA HADITS

Legasi Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam* dalam Berpakaian dan Berhias • 26

TAFSIR AL-QUR'AN

Biarlah Cantik Bersyari'at • 31

TETAMU

KECANTIKAN: Amanah dan Ujian • 36

PELITA ILMU

Tabarruj dalam Berpakaian • 40

AKHLAQIATUL'AMAL

Penampilan Menarik Tingkatkan Prestasi Kerja • 44

KELEBIHAN SELAWAT

Selawat Al-Ibrahimiyah • 46

INFO SEMBAHYANG

Qashar dan Jama' Kemudahan Musafir • 47

FIQAH WANITA

Berhias dengan Menyambung Rambut • 50

SAHABAT RASULULLAH

Abu 'Ubaidah bin Al-Jarrah • 52

ULUL 'AZMI

Nabi Isa 'Alaihissalam • 55

NUKILAN PENA

Pesan Nini kepada Cucu Tentang Kemerdekaan • 58

REDAKSI AL-HUDA

Penasihat

Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh
Pengarah Pusat Da'wah Islamiah

Penolong Penasihat

Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar
Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah

Ketua Penerbit

Hajah Middeni binti Haji Lamit

Penolong Ketua Penerbit

Hajah Suriyati binti Haji Ahmed

Penyelaras & Aturhuruf

Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang
Abdul Ghani

Penyelaras Bersama

Qairunnisa binti Haji Jalil
Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

Pembantu Penyelaras

Mohamad Zelihan bin Ahad
Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim
Azizah binti Hidup
Dahlan bin Chuchu
Suriati binti Haji Ali Hussin

Penyemak

Hajah Ruzaimah binti Hj. Ibrahim
Ramlee bin Haji Kassim

Pembahagi Majalah

Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj. Badaruddin
Haji Abdul Muhammin bin Hamid
Md. Jiwardy bin Haji Awang Yaakub

Pencetak

EZY Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd.

Terbitan

Pusat Da'wah Islamiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Kampong Pulaie, Jalan Pusat Dakwah BB4310
Negara Brunei Darussalam.

“Wahai anak-anak Adam!
Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu
(menciptakan bahan-bahan) pakaian untuk menutup aurat
kamu dan pakaian indah (untuk perhiasan). Dan pakaian
yang berupa taqwa itulah yang paling baik.
Yang demikian itu adalah sebahagian daripada
tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran)
Allah supaya mereka mengambil peringatan
(dan bersyukur).”

Surah al-A'raaf, ayat 26



KECANTIKAN : ANTARA AMANAH DAN UJIAN



Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menganugerahkan kesempurnaan wajah dan anggota tubuh badan kepada hambaNya. Namun sebagai hambaNya, janganlah kita lupa, kesempurnaan tersebut melahirkan tanggungjawab dan merupakan amanah daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar kita menjaganya sesuai perintahNya serta mensyukurinya.

Kecantikan sering dikaitkan dengan kaum wanita. Dengan peredaran zaman yang semakin maju pada masa kini pengaruh fesyen pakaian kian unik dan menarik, para wanita tidak ketinggalan untuk turut sama menggayakannya.

Setiap wanita Islam wajib menjaga batasan aurat yang ditentukan oleh syara'. Agama Islam tidak melarang wanita untuk kelihatan cantik, namun sebagai wanita muslimah, perlulah mengetahui bahawa Islam telah menetapkan adab sebagai garis panduan dalam berhias diri supaya tidak tersasar daripada syari'at Islam sehingga timbulnya perbuatan *tabarruj* atau berlebih-lebihan dalam berhias dan berpenampilan.

Sesungguhnya perhiasan paling indah bagi seorang wanita itu ialah apabila terserlah pada akhlaknya dengan ketaatan, ketaqwaan dan pengabdian kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Malah, agama Islam sangat menjaga kehormatan wanita dengan memerintahkan wanita muslimah menyembunyikan perhiasan dan menutup aurat serta mempunyai budi pekerti yang mulia, maruah diri yang terpelihara, sifat malu serta budi bahasa yang tinggi.

Ketahuilah, tidak ada wanita yang akan teraniaya dan menderita kerana menutup aurat dengan sempurna. Sebaliknya, dengan mendedahkan aurat mereka telah menzalimi diri mereka dan mengundang merosakkan pandangan orang lain.

Wa 'iyadzu billahi min dzalik.

Akhlik Mulia Asas Ketamadunan Islam



Titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Sempena Tahun Baru Hijrah 1442

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ
عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَكْلَهُ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَبِعِنْدُ

Syukur ke hadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* yang telah mengurniakan ni'matNya berupa peluang untuk kita dapat pula menyambut kedatangan Tahun Baru Hijrah 1442.

Menyambut Tahun Baru Hijrah, bererti kita menyingkap balik lembaran sejarah hijrah, dan bertolak dari sinilah, umat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bangkit membina tamadunnya yang gilang-gemilang.

Tamadun yang hebat, tidaklah ia mesti dibina dari matabenda, tetapi asasnya adalah ‘kemuliaan’ dalam kehidupan. Kerana itu, akhlak atau keperibadian yang baik adalah menjadi keutamaan, sebagaimana Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sendiri menjelaskan akan tujuan baginda diutus, dengan sabda baginda, bermaksud:

Sesungguhnya aku diutus ialah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Di antara ciri-ciri akhlak mulia itu sangat ketara menjadi pakaian Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan juga para sahabat ketika hijrah. Pada diri baginda Rasulullah, terserlah akhlak yang mulia lagi terpuji, seperti berani, sabar dan tidak berganjak dari melaksanakan perintah Allah. Sementara sahabat-sahabat yang terlibat dalam misi hijrah juga turut menampakkan akhlak yang luhur menjadi pendokong dan penyokong kuat kepada Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Tidak syak lagi, peristiwa hijrah mengandungi banyak pengajaran untuk dicontohi, seperti mencantohi akhlak Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam menanai perintah Allah, dengan baginda itu sedikitpun tidak ragu atau takut, sekalipun jalan yang ditempuh sangat sukar dan merbahaya.

Dalam dunia yang penuh dengan pancaroba ini, sangat mustahak bagi umat Islam untuk berpegang kuat kepada nilai-nilai akhlak yang dimiliki oleh Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan para sahabat baginda. Adapun akhlak teragung Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ialah al-Qur'an, dalam makna, semua ajaran al-Qur'an itu adalah cara hidup baginda yang wajib dicontohi dan diikuti oleh seluruh umat.

Tidak diragui lagi, sejarah hijrah adalah 'guru' bagi kehidupan. Kita boleh belajar

daripadanya tentang apa jua, seperti tentang kepimpinan, pengorbanan, kesetiaan, kesabaran dan lain-lain.

Inilah hebatnya hijrah itu, makanya, kapapun perlu memperingatinya.

Di Brunei Darussalam, kita memperingati hijrah dengan berkumpul di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat, dengan acara antara lain: Membaca Do'a Akhir Tahun, Sembahyang Maghrib Berjema'ah, Membaca Do'a Awal Tahun dan lain-lain.

Kita juga menggalakkan supaya diadakan ceramah-ceramah, menerusi radio dan televisyen, sebagai cara, untuk memperkaya pengetahuan mengenai hijrah atau apa jua yang dapat diambil pengajaran daripadanya.

Sayugia mengenai ceramah ini, ia diharapkan akan dapat disampaikan dengan cara yang baik dan menarik serta mudah untuk difahami. Jika semua ini dapat dicapai, maka barulah usaha kita yang demikian itu dapat dianggap berbaloi. Beta yakin, perkara ini dapat diusahakan.

Mengakhiri kalam, beta dan sekalian ahli kerabat dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Hijrah 1442 kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ



MEMPERGIAT KESENIAN DI MASJID

Ucapan Yang Berhormat Pehin Udina Khatib
Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji
Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji
Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.
Di Majlis Peraduan Dikir Syarafil Anam,
Belia-belia Masjid Lelaki dan Perempuan Kawasan
Zon 3, Tahun 1426H bersamaan 2005M.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ
وَعَلَىٰ إِلَهٍ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Sesungguhnya mentakmirkan masjid dengan mengadakan kegiatan yang bersesuaian seperti Peraduan Dikir Maulud Syarafil Anam mini boleh dikira satu usaha yang menepati maksud firman Allah dalam Surah at-Taubah ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ
وَأَلْيَوْمَ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاقَ الظَّرْكَوَةَ وَلَمْ
يَنْهَشْ إِلَّا أَدَهَ فَعَسَىٰ أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا
مِنَ الْمُهْتَدِينَ ١٨

Mafhumnya:

Orang-orang yang layak mengimarahkan masjid-masjid Allah itu hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta tidak takut melainkan kepada Allah. (Dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka mudah-mudahan mereka termasuk dalam golongan yang mendapat petunjuk.

Tambahan lagi, usaha ini melibatkan anak-anak muda yang menjadi kewajiban kita selaku ibu bapa/penjaga dalam mendidik dan membimbing mereka kepada gaya hidup yang seimbang.

Maksudnya ialah kita menerima kenyataan bahawa suasana dan keadaan hidup sekarang banyak dipengaruhi oleh hiburan sebagai tarikan kepada sesuatu. Sebagai contoh iklan-iklan yang ditayangkan dibuat dalam bentuk ‘menghibur’, yang memaparkan gaya artis memperagakan sesuatu barang, diselitkan dengan kata-kata berunsurkan ajakan yang bukan sahaja ajakan membeli dan menggunakanai barang yang diiklankan bahkan sekaligus ajakan bergaya dan berfikir, berlagak dan bersikap yang bukan lagi gaya, lagak, fikiran dan sikap menurut akhlak Melayu dan Islam.

Contohnya ialah iklan syampu rambut di televisyen kita. Dengan rambut gugur lalu terpaksa menutup kepala. Setelah menggunakan syampu

jenama yang diiklankan, rambut tidak lagi gugur dan menutup kepala sudah tidak perlu. Dan model yang memperagakan iklan itu diaturkan mengatakan sesuatu yang suggestif: “let it go...” sambil kain tudung dilucutkan dan melayang.

Kita terima perkara seperti ini sebagai suatu tren, suatu kecenderungan yang bermusim dan jadi popular pada musimnya.

Maka sedemikian pula yang kita patut lakukan. Iaitu mengikut kecenderungan semasa yang tentu sekali berupa sesuatu yang wajar di mana masih boleh menarik kalangan remaja untuk menyertainya dan sekaligus mengajak mereka menggunakanapakainya.

Maka dalam konteks Dikir Syarafil Anam, majlis-majlisnya lazim diadakan dalam acara-acara berbentuk keagamaan. Ianya mengandungi puji-pujian kepada Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan keluarga baginda. Dirangkaikan dalam madah berbentuk syair dan natsar (prosa) oleh pengarangnya. Ia hasil karangan termuat dalam buku atau kitab yang bernama “Majmu'ah Maulud Syarafil Anam” (Himpunan Riwayat Peristiwa Kelahiran – Nabi Muhammad – Semulia Manusia).

Dalam tradisi masyarakat kita, majlis Dikir Maulud ini termasuklah bagi melepaskan niat dan tanda selamat. Ia dibuat dengan harapan mengambil berkat atau tabarruk. Dan mendikirkannya/membacanya dibuat

dengan cara berlagu menurut bentuk madah. Jika madahnya natsar ia dilakukan dengan bacaan raweh. Jika madahnya sya'ir maka itulah yang kita baca dengan lagu dikir yang lama dan lagu dikir yang baru.

Hakikat yang mesti diakui ialah Dikir Syarafil Anam itu adalah hasil karya sastera, yang dibaca dengan melagukannya. Tegasnya ia adalah cabang kesenian yang berakar umbi dalam budaya kita. Lagu-lagunya yang lama dengan sebutan Dikir Brunei dipercayai telah digubah dan dipopularkan menurut guru-guru dikir. Dan kita bersyukur tradisi seni berunsur agama ini tetap terus digunakan, malah tidak kurang popularnya di kalangan generasi muda sekarang walaupun mereka juga tidak terlepas dari meminati dan cenderung terbawa-bawa dengan tren/gaya hidup yang popular menurut peredaran masa.

Maka kerana itu kita mestilah sama-sama menarik dan mengajak mereka supaya mengamalkan cara dan gaya hidup Melayu yang Islam.

Tegasnya, dalam masa kita menerima kenyataan tentang keadaan dan suasana hidup mereka yang suka mengikut tren terkini yang banyak disalurkan melalui hiburan, kita juga hendaklah terus mendidik dan membimbing anak-anak kita khasnya remaja-remaja untuk menjalani kehidupan yang seimbang.

Maksud kehidupan yang seimbang dalam konteks ini ialah menerima realiti atau kenyataan tentang

kehidupan semasa dengan sikap positif bagi mencari ruang-ruang di mana kita sekalian, meliputi semua kalangan dan generasi masih tetap bersama di landasan atau lapangan yang sama.

Tegasnya dalam penghayatan beragama, tidak semua orang sama darjah keimanannya. Akan ada yang berbeza kadar-kadar kesanggupannya mengamalkan ajaran-ajaran agama.

Sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah Faathir ayat 32:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ أَصْطَفَيْنَا
مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ
مُقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَاقِيٌّ بِالْخَيْرَاتِ إِلَادَنِ اللَّهِ
ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ
٣٦

Mafhumnya:

Kemudian Kami mewariskan Kitab (al-Qur'an) itu kepada orang-orang yang Kami pilih daripada kalangan hamba-hamba Kami, maka antara mereka ada yang menzalimi dirinya sendiri dan antaranya ada yang bersikap pertengahan dan antaranya ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu adalah limpah kurnia yang besar.

Yang dimaksudkan dengan "orang yang menganiaya diri sendiri" ialah orang yang lebih banyak kesalahannya daripada kebaikannya, dan "pertengahan" ialah orang

yang kebaikannya berbanding dengan kesalahannya, sedang yang dimaksudkan dengan “orang-orang yang lebih dahulu dalam berbuat kebaikan” ialah orang-orang yang kebaikannya amat banyak dan jarang berbuat kesalahan.

Siapa yang kuat kesanggupannya dia akan beramat lebih dari setakat fardhu ‘ain bahkan mengamalkan yang sunat. Orang lain mungkin tidak sampai sedemikian dan mungkin ada yang masih belum tergamit sekalipun untuk sembahyang.

Namun kesemuanya itu masih ‘kita-kita’ juga. Paling tidak dia berkahwin dengan bernikah. Dia pandai beristighfar dan bersyahadah. Lahirnya diazankan. Matinya disempurnakan secara Islam.

Maka akan ke manakah kita orang Islam yang dikatakan saling bersaudara itu jika tidak mempunyai gelanggang bersama? Kita masih sama selaku penganut Islam. Kerana itu sungguhpun berbeza darjah keimanan dan keisalamannya namun kita mesti cari titik persamaan. Kita mesti ada *common ground*.

Mana-mana dan apa-apa saluran yang sesuai dan layak untuk dijadikan *common ground* hendaklah dikembangkan. Dikir Syarafil Anam merupakan satu daripadanya yang mungkin akan menarik lebih ramai audien dan artisnya jika ia diterima baik sebagai hasil sastera yang digunakan dan dikembangkan dengan melibatkan kemahiran orang-orang kita dalam seni suara dan lagu.

Begitu juga saluran-saluran lain yang boleh memberi ruang bagi penyertaan luas orang kita yang mempunyai kebolehan atau kemahiran dalam bidang-bidang keagamaan. Tugas kita harus tertumpu kepada menggunakan atau memanfaatkan kebolehan seseorang Islam untuk faedah-faedah bersama. Bukan mencari sebab atau menetapkan ciri-ciri tertentu sehingga mengetepikannya.

Dalam aspek ini boleh disebutkan contohnya seperti Allahyarham P.Ramlee dengan lagu 'Rukun Islam'nya dan Saloma dengan lagu 'Selamat Hari Raya'nya. Mengamat - amati kedua - dua buah lagu itu tentulah rugi kalau tidak memanfaatkan kebolehan seni orang seperti seniman P.Ramlee dan seniwati Saloma untuk menyampaikan mesej-mesej keagamaan dalam seni lagu dan suara.

Begitu juga Rahimah Rahim dengan lagu 'Doa' yang boleh menyentuh perasaan seseorang dengan mengamat-amati bait-bait lirik lagunya, dinyanyikan dengan irama lagu dan suara yang mengharukan.

Begitu halnya mengenai kesenian yang boleh dimanfaatkan. Kita patut berikan perhatian pada manfaat yang boleh diraih daripadanya, seperti halnya Dikir Syarafil Anam yang mengandungi lagu-lagu dan irama yang menarik. Bahkan ada lagi contoh lain yang juga sama diterimapakai oleh masyarakat iaitu Ratib Samaan, satu karya sastera dalam madah sya'ir.

ia ditransformasikan ke dalam bentuk tarian oleh orang dewasa malah oleh kalangan agama. ia diterimapakai sebagai pengucapan agama dalam bentuk seni, padahal yang meratibkannya dengan menari itu bukan pengikut Tarikat as-Samaniah yang menjadi punca ratib tersebut.

Yang sudah pasti ialah kita menilai dikenal dan ratib itu karangan yang khas dengan dedikasi keagamaannya sehingga dirasa keunikannya dan keberkatan membaca serta menganjurkan majlisnya. Kerana di antara tujuan Syarafil Anam ialah mensyukuri atas segala rezeki dan ni'mat yang telah Allah kurniakan ke atas kita. Syukur sedemikian akan menambahkan lagi rezeki, seperti firman Allah dalam Surah Ibrahiim ayat 7:

لَيْسَ شَكْرُنِّي لَأَزِيدَنَّكُمْ ...

Mafhumnya:

....Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala ni'matKu) tentu Aku akan menambah ni'mat itu kepada kamu....

Begini pula ia dikaitkan dengan harapan mendapat syafa'at Rasulullah dengan memuliakan dan berselawat kepada baginda. Sebagaimana hadits yang diriwayatkan dari Abu Darda' bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

"Barangsiaapa yang berselawat kepadaku pada waktu pagi 10 kali dan pada waktu petang 10 kali maka ia akan memperolehi syafa'atku pada hari kiamat."

Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* diberi keistimewaan untuk menolong orang beriman menerusi syafa'at baginda di hari akhirat.

Dalam pada itu nilai sesuatu seni yang boleh menyumbang kepada Islam dan memberikan faedah kepada orang-orang Islam tidak seharusnya ditolak begitu sahaja.

Sebab dalam suasana hidup sekarang ajaran-ajaran agama juga menghendaki kemahiran tertentu untuknya disampaikan kepada khalayak yang lebih ramai. Dan itu memerlukan penglibatan orang-orang yang berkemahiran dalam bidang-bidang tertentu termasuklah bidang seni.

Demikianlah percakapan panjang yang kurang teratur ini dimaksudkan untuk membuka fikiran bersama dalam memungkinkan orang lebih ramai tertarik kepada agama dan sekaligus mendatangkan keseimbangan dalam hidup kebanyakan orang, khasnya anak-anak muda, remaja dan belia yang merupakan generasi atau zuriat penyambung kita orang-orang tua.

Tabarruj Yang Dilarang

Petikan daripada buku 'Wanita dan Tabarruj', terbitan Pusat Da'wah Islamiah tahun 1438H/2017M

Berhias dalam bahasa Arab disebut *tabarruj* dan sering juga disebut dengan *tahassan* atau *tahalla*. Menurut Kamus Dewan berhias ialah berdandan diri dengan pakaian yang cantik; berkemas diri dengan barang yang indah-indah. Manakala menurut Kamus Dewan Melayu Nusantara berhias ialah memperelokkan diri dengan pakaian dan sebagainya yang indah-indah; berdandan; bersolek.

Wanita yang bertabarruj bukan hanya sekadar berhias, berdandan, mengenakan *make up*, memakai minyak wangi dan sebagainya bahkan lebih dari itu iaitu segala sesuatu yang mencerminkan keindahan dan kecantikan sehingga penampilan dan gaya seorang wanita menjadi memikat dan menarik di mata lawan jenis.

Mempamerkan aurat

Di negara kita, kesedaran wanita Islam untuk menutup aurat semakin meningkat. Namun ada juga sebilangan mereka yang masih samar

dan kurang jelas dengan konsep tuntutan menutup aurat. Apabila disebut penutupan aurat, apa yang terus tergambar di benak hanyalah pemakaian tudung yang menutup kepala dan rambut wanita sahaja.

Ada sebilangan mereka yang menutup aurat atas dasar tren dan fesyen semata-mata. Golongan ini selalunya tidak istiqamah menutup aurat, mereka mungkin menutup aurat pada waktu serta tempat tertentu sahaja seperti ketika bekerja iaitu semata-mata bagi memenuhi peraturan yang telah ditetapkan, atau ketika menghadiri majlis-majlis keagamaan dan lainnya. Tetapi apabila berada di tempat awam umpamanya di pusat-pusat membeli belah, taman rekreasi dan sebagainya mereka mula memamerkan aurat dengan hanya mengenakan baju lengan pendek, seluar pendek paras lutut, kain berbelah, tidak bertudung dan memamerkan rambut.

Aurat ialah sesuatu bahagian daripada anggota badan yang haram dibuka atau dipamerkan. Dalam erti kata lain sesuatu anggota yang wajib ditutup dan disembunyikan dan haram orang yang bukan mahram melihatnya.

Wajib ke atas setiap muslim tidak kira lelaki atau perempuan untuk menutup aurat berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-A'raaf ayat 26:

يَبْنَيْهُ أَدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَرَّى
سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسٍ الْتَّقْوَىٰ ذَلِكَ خَيْرٌ
ذَلِكَ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾

Mafhumnya:

Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (menciptakan bahan-bahan) pakaian untuk menutup aurat kamu dan pakaian indah (untuk perhiasan). Dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang paling baik. Yang demikian itu adalah sebahagian daripada tandatanda (kekuasaan dan kebesaran) Allah supaya mereka mengambil peringatan (dan bersyukur).

Sementara hadits riwayat Imam Abu Daud, daripada Bahz bin Hakim dari bapanya dari datuknya ia berkata

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! عَوْرَاتُنَا مَا تَأْتِي
مِنْهَا وَمَا نَذَرُ؟ قَالَ: احْفَظْ عَوْرَتَكَ
إِلَّا مِنْ زَوْجِكَ أَوْ مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ،
قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِذَا كَانَ الْقَوْمُ
بَعْضُهُمْ فِي بَعْضٍ؟ قَالَ: إِنْ اسْتَطَعْتَ
أَنْ لَا يَرَيْهُمْ، أَحَدٌ فَلَا يَرَيْهُمْ. قَالَ: قُلْتُ

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِذَا كَانَ أَحَدُنَا خَالِيًّا؟ قَالَ:
اللَّهُ أَحَقُّ أَنْ يُسْتَحْيِي مِنْهُ مِنْ النَّاسِ .

Maksudnya:

Saya bertanya: "Wahai Rasulullah! (kepada siapakah) daripada aurat kami boleh kami perlihatkan dan (kepada siapa) kami hindarkan?" Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: "Peliharalah aurat kamu melainkan daripada isteri kamu atau hamba sahaya perempuan kamu." Dia berkata: "Saya bertanya: "Wahai Rasulullah! Bagaimana pula jika ada orang-orang berhimpun sebahagiannya dengan sebahagian yang lain?" Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: "Jika kamu berupaya (membuat) seseorang itu tidak melihatnya." Dia berkata: "Saya bertanya; "Wahai Rasulullah! Bagaimana pula jika seseorang itu bersendirian?" Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: "Allah itu lebih berhak dimalui daripada manusia."

Sebagai seorang wanita, di mana pun mereka berada dan berhadapan dengan siapa pun mereka, menutup aurat amat perlu diperhatikan dan dijaga. Adapun batas aurat seorang wanita ketika bersama mahramnya adalah antara pusat dan lutut. Walau

bagaimanapun adalah dituntut menutup mana-mana bahagian tubuh badan yang boleh menaikkan syahwat lelaki walaupun mahramnya sendiri. Ini adalah bagi menjaga adab dan tatasusila wanita terutama dalam menjaga kehormatan agar perkara-perkara sumbang yang tidak diingini tidak akan berlaku. Oleh itu pakaian yang digalakkan walaupun ketika bersama mahram adalah pakaian yang lengkap dan labuh.

"Adapun batas aurat seorang wanita di hadapan lelaki bukan mahram (*ajnabi*) ialah seluruh anggota tubuh badannya kecuali muka dan kedua tapak tangan. Oleh itu wanita wajib menutup aurat ketika berhadapan dengan lelaki bukan mahram termasuk ipar lelaki. Ipar lelaki adalah sama seperti lelaki *ajnabi* walaupun berada di dalam rumah sendiri.

Adapun batas aurat wanita semasa bekerja umpamanya ketika memasak atau membasuh pakaian, atau ketika berada dalam keadaan dharurat umpamanya ketika banjir, keadaan lecak atau berlumpur ialah seluruh anggota tubuh badannya kecuali wajah, kedua belah tangan sehingga siku dan kaki sehingga lutut.

Memakai Pakaian Tipis dan Ketat

Hadits riwayat Imam Muslim, daripada Abu Hurairah katanya: Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

صِنْفَانِ مِنْ أَهْلِ النَّارِ لَمْ أَرْهُمَا قَوْمٌ مَعْهُمْ
سِيَاطٌ كَأَذْنَابِ الْبَقَرِ يَضْرِبُونَ بِهَا النَّاسَ
وَنِسَاءٌ كَسِيَّاتٍ عَارِيَاتٍ مُمِيلَاتٍ.....

Maksudnya:

*Ada dua golongan ahli neraka yang belum pernah aku (Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*) melihatnya, iaitu kaum lelaki memegang cemeti seperti ekor sapi yang mereka gunakan untuk memukul orang lain, dan wanita-wanita yang berpakaian tetapi mereka (sebenarnya) bertelanjang (pakaian tidak menutup aurat kepala dan badan sebagaimana yang diperintahkan oleh agama)....*

Maksud bertelanjang ialah wanita yang berpakaian nipis atau jarang yang menampakkan warna kulit dan bayang-bayang tubuh dari luar. Ia juga boleh diertikan dengan pakaian yang terlalu ketat yang menampakkan

susuk atau bentuk tubuh badan dan juga pakaian yang terdedah, tidak kira di bahagian mana sekalipun daripada anggota badan sama ada di leher, tangan, kaki, kepala, perut, dada dan punggung.

Mengikut fesyen dan tren kain masa kini, terdapat kain jenis nipis (chiffon) lagi jarang. Ada sebilangan wanita menyukai dan memakainya dengan bermacam fesyen yang mereka gemari. Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, daripada Saiyidatina 'Aisyah Radhiallahu 'anha bahawa adiknya Asma' binti Abu Bakar pernah datang menghadap Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dengan memakai pakaian nipis, lalu baginda melarangnya sebagaimana baginda bersabda:

يَا أَسْمَاءً إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَحِيضَ لَمْ
تَصْلُحْ أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلَّا هَذَا وَهَذَا وَأَشَارَ
إِلَى وَجْهِهِ وَكَفِيَّهِ .

Maksudnya:

"Wahai Asma', sesungguhnya apabila seorang perempuan sudah haidh (baligh), tidak elok untuk dilihat daripadanya kecuali ini dan ini." Dan

baginda Shallallahu 'alaihi wa sallam mengisyaratkan kepada wajahnya dan kedua tapak tangannya.

Memakai pakaian nipis adalah dilarang. Kain nipis hendaklah dilapis dengan kain lain yang tebal sehingga ia dapat menutup warna kulit dan bentuk badan.

Hadits riwayat Imam Ahmad daripada Ibnu Usamah bin Zaid, dari ayahnya ia berkata: Aku pernah diberi pakaian oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* (kain pemberian Dihyah al-Kalbi) lalu ku berikan kepada isteriku. Kemudian Nabi bertanya: "Mengapa kain qibthiah itu tidak kamu pakai?" AKu menjawab: "Kain itu ku berikan kepada isteriku." Lalu Nabi bersabda:

مُرْهَا فَلْتَجْعَلْ تَحْتَهَا غِلَالَةً إِنِّي أَخَافُ أَنْ تَصِفَ حَجْمَ عِظَامِهَا.

Maksudnya:

Suruhlah dia supaya membuat lapis di bawahnya, sebab saya khawatir kalau-kalau pakaian itu akan dapat memperlihatkan bentuk tulang-tulangnya.

Sejak kebelakangan ini tren jubah telah mendapat tempat di dalam dunia fesyen muslimah. Namun tren jubah muslimah yang menjadi fenomena masa kini sebahagiannya sudah hilang fungsinya sebenar. Ada jubah yang direka mengikut potongan badan si pemakai khususnya di bahagian dada dan pinggang. Ada juga jubah diperbuat daripada fabrik yang terlalu lembut atau bergetah, fabrik seperti ini akan mendakap atau melekat di badan, di mana apabila si pemakainya duduk, berdiri dan berjalan akan menyebabkan bentuk pakaian dalam kelihatan dari luar jubah. Memakai pakaian ketat yang melekat di tubuh juga dilarang bagi mengelakkan daripada perkara buruk berlaku.

Pakaian yang ada di pasaran ketika ini kebanyakannya lebih kepada fesyen bukan kepada menutup aurat. Oleh itu wanita Islam perlu berhati-hati dalam memilih pakaian memandangkan terdapat fesyen yang pada zahirnya nampak islamik tetapi sebenarnya tidak menepati kehendak syara' dan maksud menutup aurat. Wanita tidak dilarang daripada berfesyen tetapi biarlah fesyen tersebut menggambarkan identiti muslimah yang baik. Sebagaimana firman Allah

Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah al-Ahzaab ayat 59:

يَأَيُّهَا الْلَّهُمَّ قُل لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ وَبِنَاتِكَ وَنِسَاءٌ
الْمُؤْمِنَاتُ يُدْرِنَنَّ عَلَيْهِنَّ مِنْ حَلَبِيَّهُنَّ
ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفُ فَلَا يُوَدِّنَنَّ وَكَانَ اللَّهُ
عَفُورًا رَّحِيمًا

59

Mathumnya:

Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya memakai jilbab (pakaian labuh dan longgar yang menutupi aurat wanita selain muka dan dua tapak tangan) mereka bagi menutup seluruh tubuh mereka (semasa keluar rumah). Yang demikian itu lebih mudah untuk mereka dikenali supaya mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

Mengenakan Wangi-wangian yang Menarik Perhatian

Berwangi-wangian bagi kaum wanita hanya disunatkan ketika berada di dalam rumah untuk memenuhi kesenangan suaminya sahaja. Penggunaan wangi-wangian atau jenis-jenis bauan bagi kaum wanita

ketika keluar dari rumah adalah dilarang. Wangian yang kuat baunya boleh menarik perhatian kaum lelaki untuk melakukan maksiat mata. Hadits riwayat Imam at-Tirmidzi daripada Abu Musa *RadhiAllahu anhu*, dari Nabi *ShallAllahu alaihi wa sallam*, baginda bersabda:

كُلُّ عَيْنٍ زَانِيَةٌ وَالْمَرْأَةُ إِذَا اسْتَعْطَرَتْ
فَمَرَرَتْ بِالْمَجْلِسِ فَهِيَ كَذَا وَكَذَا يَعْنِي
زَانِيَةً .

Maksudnya:

Setiap mata itu berzina (apabila melihat perempuan dengan syahwat). Dan seorang wanita apabila dia memakai wangи-wangian dan melintas di majlis (orang lelaki), maka dia begini dan begini yakni berzina (berdosa).

Akan tetapi boleh menggunakan wangian untuk sekadar menutup bau badan yang mungkin mengganggu keselesaan orang lain, sebaiknya pakailah bau-bauan yang baunya tidak semerbak atau tidak terlalu kuat dan merangsang penghiduan orang lain. Sebagaimana hadits riwayat Imam at-Tirmidzi, daripada Abu Hurairah *RadhiAllahu anhu*, Rasulullah *ShallAllahu alaihi wa sallam* bersabda:

طِيبُ الرِّجَالِ مَا ظَهَرَ رِيحُهُ وَخَفِيَ لَوْنُهُ
 وَطِيبُ النِّسَاءِ مَا ظَهَرَ لَوْنُهُ وَخَفِيَ رِيحُهُ

يَحْرُمُ التَّضْمُحُ بِهَا حَارِجَهَا فِي الْبَدَنِ
 وَالثَّوْبِ بِلَا حَاجَةٍ .

Maksudnya:

Sesungguhnya minyak wangi untuk lelaki ialah yang kuat baunya dan lembut warnanya, sedangkan minyak wangi untuk wanita ialah yang terang warnanya dan lembut baunya.

Bagaimanapun, kita perlu berhati-hati memakai minyak wangi kerana terdapat banyak minyak wangi yang mengandungi alkohol di pasaran. Menurut Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam tahun 2004 menyatakan bahawa untuk mengetahui sama ada minyak wangi yang bercampur alkohol itu najis atau tidak adalah tertakluk kepada bagaimana pembuatannya, baik dari segi minyaknya mahupun alkoholnya. Jika ia bersumber daripada benda yang najis seperti minyak yang bersumber daripada binatang yang najis atau alkohol yang bersumber daripada arak, minyak wangi seperti ini dihukumkan mengandungi najis.

Berlumur dengan najis tanpa ada sesuatu hajat adalah haram hukumnya sebagaimana kata Ibnu Hajar Rahimahullah:

Maksudnya:

Haram berlumur dengan najis di luar sembahyang pada badan dan pakaian dengan tiada sesuatu hajat.

Sekiranya minyak wangi itu tidak bersumber daripada benda yang najis dan tidak bercampur alkohol yang bersumber daripada arak, maka minyak wangi tersebut boleh dipakai. Lagipun banyak terdapat minyak wangi yang sama sekali tidak mengandungi alkohol yang boleh menjadi alternatif kepada kita.

Membuat Ukiran (tatu) Pada Anggota Badan, Mencabut Bulu (di wajah) dan Mengikir Gigi

Hadits riwayat Imam Muslim, daripada Abdullah berkata, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَعْنَ اللَّهِ الْوَاشْمَاتِ وَالْمُسْتَوْشَمَاتِ
 وَالنَّامِصَاتِ وَالْمُتَنَمِّصَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ

لِلْخُسْنِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقُ اللَّهِ .

Maksudnya:

Allah melaknat orang-orang yang mengukir tatu dan yang minta diukir tatu, orang-orang yang mencabut bulu (di wajah), orang-orang yang minta dicabut bulu (di wajah) dan orang-orang yang merenggangkan giginya untuk tujuan kecantikan yang mengubah ciptaan Allah.

Membuat ukiran tatu, mencabut bulu di wajah dan mengikir gigi merupakan antara cara menghias diri yang digemari oleh kaum wanita sejak zaman dahulu lagi. Ianya bukan perkara baru cuma cara pembuatannya yang semakin hari dipermodenkan agar tidak menimbulkan kesakitan kepada mereka yang memerlukan khidmat ini.

Hadits riwayat Imam al-Bukhari daripada Abu Hurairah berkata: Seorang wanita bertatu pernah dibawa ke hadapan Umar, lalu Umar berkata: "Aku mohon dengan nama Allah, siapa yang pernah mendengar dari Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* tentang tatu?" Aku pun berdiri dan

berkata: "Wahai Amirul Mu'minin, aku katakan, aku pernah mendengarnya. Umar bertanya: Apa yang engkau dengar ? Lalu dia menjawab: Aku mendengar Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَا تَشْمَنْ وَلَا تَسْتَوْشَمْنَ .

Maksudnya:

Janganlah kamu menatu dan meminta ditatu.

Tatu ialah tanda pada badan yang dibuat dengan melarik, mencucuk dan memasukkan warna. Pada kebiasaannya ia dijadikan sebagai perhiasan, adat atau kerana tujuan keagamaan dengan mengukir gambar-gambar, lambang, nama kumpulan atau sebagainya di tubuh badan.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah Ta'ala* bahawa tatu itu ialah mencucuk jarum atau sebagainya di belakang telapak tangan, pergelangan tangan, bibir atau selainnya di tubuh badan sehingga darah mengalir. Kemudian diisi tempat itu dengan celak atau kapur hidup sehingga menjadi hijau. Perbuatan ini haram ke atas orang yang minta dibuatkan tatu dan

orang yang membuatkan tatu malah dilaknat oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dan RasulNya.

Manakala satu tren hiasan yang digemari oleh sebahagian orang hari ini ialah mengukir inai di tangan. Jika dahulu inai hanya digunakan untuk memerahkan kuku, jejari dan telapak tangan tetapi sekarang ia lebih menjerus kepada ukiran seperti ukiran berbentuk bunga, hati, bintang dan seumpamanya. Kehalusan ukiran inai yang terhasil daripada kreativiti pengukir dilihat sebagai satu seni hiasan yang cantik dan menarik.

Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* ada menyebutkan, katanya:

وَلَا يُسْنُ لَهَا نَقْشٌ وَتَسْوِيدٌ وَتَطْرِيفٌ
وَتَحْمِيرٌ وَجُنْتَةٌ بَلْ يَحْرُمُ وَاحِدٌ مِنْ هَذِهِ
عَلَى خَلِيلَةٍ وَمَنْ لَمْ يَأْذِنْ لَهَا حَلِيلُهَا .

Maksudnya:

Dan tidak disunatkan baginya (perempuan yang bukan berkabung yang hendak melakukan ihram ataupun tidak) berinai dengan membuat ukiran, berinai dengan warna hitam, berinai di hujung-hujung

jari dan berinai dengan memerahkan pipi, bahkan haram melakukan salah satu daripada cara sedemikian bagi perempuan yang tidak bersuami dan bagi perempuan yang tidak mendapat keizinan suaminya.

Jelas di sini bahawa berinai dengan membuat ukiran bukanlah cara yang disunatkan, bahkan perbuatan ini haram dilakukan bagi perempuan yang tidak bersuami dan juga perempuan yang sudah berkahwin yang tidak mendapat keizinan suaminya. Namun makruh melakukannya jika mendapat izin daripada suami.

Adapun mencabut bulu di wajah, menurut Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani *Rahimahullahu Ta'ala* ialah dikhususkan kepada mencabut bulu kedua-dua kening sahaja bagi tujuan menghaluskan atau menyamakannya. Oleh itu, mencabut bulu selain daripada bulu kening di muka seperti misai atau janggut bagi perempuan adalah diharuskan.

Manakala merenggangkan gigi, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* ialah mengikir gigi dengan alat pengikir atau seumpamanya bagi memperelokkan atau menghaluskan gigi dengan

tujuan untuk kelihatan cantik dan muda. Perbuatan ini biasanya dilakukan oleh golongan tua supaya kelihatan muda dan cantik. Di sinilah timbulnya unsur tujuan berhias menerusi penipuan dan pengubahan ciptaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Hadits riwayat Imam an-Nasa'ie, daripada Abu Raihanah berkata:

بَلَغْنَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَنِي عَنِ الْوُشْرِ وَالْوُشْمِ.

Maksudnya:

Telah sampai kepadaku bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam melarang meruncingkan gigi dan menatu.

Adapun jika dilakukan kerana keperluan perubatan atau terdapat cacat pada gigi atau yang seumpamanya adalah dibolehkan. Sebagai contoh memakai *braces* atau pendakap yang digunakan bagi mengikat gigi untuk meratakan kedudukan barisan gigi. Perkara ini biasanya dilakukan jika gigi sudah terlalu rapat dan tidak ada ruang untuk mengalihkan kedudukan gigi, maka salah satu gigi akan dicabut untuk memberi ruang perataan.

Proses ini tidaklah termasuk dengan maksud pengikisan atau pengasahan gigi kerana sebab meratakan gigi tersebut disebabkan kedudukan gigi yang cacat atau terdapat tujuan perubatan.

Begitu juga memakai *veneer* pada gigi. *Veneer* dalam istilah bidang pergigian ialah sejenis alat pelapis nipis tiruan yang melapisi gigi dengan cara melekatkannya di permukaan gigi asal. Ia digunakan sebagai alternatif untuk memperelokkan gigi atau memeliharanya dan melindungi permukaan gigi daripada rosak.

Memakai *veneer* ini adalah diharuskan bagi tujuan perubatan iaitu untuk melapisi atau mengukuhkan gigi yang sudah rosak, pecah atau patah. Manakala bagi tujuan untuk berhias atau untuk kelihatan cantik dan bermegah-megah tanpa sebarang sebab perubatan adalah diharamkan.

Berhias Untuk Laki-Laki Asing (yang Bukan Mahram)

Keinginan naluri wanita untuk berhias agar kelihatan cantik dan elok dipandang mata tidak pernah dihalang oleh Islam namun ini tidak bermakna seorang wanita itu boleh

berhias diri mengikut seleranya dengan mengenepikan apa yang telah dibataskan dan ditetapkan oleh syara'.

Wanita disyaratkan untuk berhias hanya di dalam rumah dan di hadapan suami atau mahram sahaja. Namun apa yang berlaku sekarang adalah sebaliknya, kebanyakannya wanita termasuk para isteri hanya berhias apabila hendak keluar dari rumah. Sekaligus, dengan berhias keluar rumah itu, ia boleh menarik perhatian lelaki selain daripada suami sehingga boleh menimbulkan fitnah. Di dalam al-Qur'an banyak disebutkan mengenai dengan larangan wanita berhias sehingga menarik perhatian lelaki asing dan menimbulkan keghairahan mereka. Antaranya ialah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah an-Nuur ayat 31:

وَلَا يُبَدِّلْنَ بِزِينَتِهِنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَلَيُضَرِّبْنَ بِخُمُرٍ هُنَّ عَلَىٰ جُنُوبِهِنَّ ..

Maftumnya:

....Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka kecuali yang zahir daripadanya (muka dan kedua

tapak tangan), dan hendaklah mereka menutupkan tudung ke dada mereka....

Menurut Imam al-Qurthubi *Rahimahullah*, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan kaum wanita supaya tidak melihatkan perhiasan mereka kepada orang lain kecuali kepada mahramnya. Terkecuali larangan tersebut pada perhiasan yang bukan pada anggota aurat iaitu pada wajah dan kedua tapak tangan. Sebagaimana hadits riwayat Imam Abu Daud, bahawa 'Aisyah *Radhiallahu anha* menceritakan tentang kejadian saudaranya Asma' binti Abu Bakar *Radhiallahu anha* pergi menemui Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dengan memakai pakaian yang nipis. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* memalingkan wajahnya, lantas baginda bersabda:

يَا أَسْمَاءُ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ
الْمَحِيضَ لَمْ تَصْلُحْ أَنْ يُرَىَ مِنْهَا إِلَّا
هَذَا وَهَذَا وَأَشَارَ إِلَىٰ وَجْهِهِ وَكَفَيْهِ.

Maksudnya:

"Wahai Asma', sesungguhnya apabila

seorang perempuan sudah haidh (baligh), tidak elok untuk dilihat daripadanya kecuali ini dan ini." Dan baginda Shallallahu 'alaihi wa sallam mengisyaratkan kepada wajahnya dan kedua tapak tangannya.

Islam telah menetapkan supaya kecantikan bagi wanita bersuami hanya dipamerkan untuk seorang lelaki yang menjadi pasangan hidupnya iaitu suami. Hikmah diharuskan bagi wanita bersuami berhias adalah supaya dia sentiasa nampak menarik di mata suaminya dan sekaligus sebagai salah satu luahan perasaan daripada isteri bahawa dia menyayangi suaminya. Ini akan lebih mengerat dan mengekalkan hubungan kasih sayang di antara suami isteri itu. Oleh itu, seorang wanita yang betul-betul memahami matlamat tersebut akan berhias untuk suaminya ketika berada di rumah dan bukannya berhias apabila hendak keluar dari rumah.

Berlebihan dalam Berpakaian atau Berdandan

Pada masa ini, terdapat sebilangan kaum wanita yang ingin kelihatan menarik serta tampil istimewa dan berbeza dari orang lain. Mereka

memberikan perhatian yang sangat besar kepada perhiasan dan dandanannya untuk menjadikan keterampilan mereka gah di mata umum. Berapa ramai wanita yang kita lihat sanggup mengorbankan wang ringgit, waktu dan tenaga yang besar hanya untuk menghiasi dan memperindah model pakaianya, supaya dia tampil berbeza dengan pakaian yang dipakai wanita-wanita lain umpamanya pakaian dipenuhi manik dan labuci yang berkilauan dan berwarna-warni, pakaian yang panjang meleret ke lantai dan sebagainya. Pakaian sebegini akan menimbulkan perasaan sombang dan berbangga diri sehingga boleh membawa kepada riya'.

Hadits riwayat Imam Muslim, daripada Ibnu Umar beliau berkata: Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

مَنْ جَرَّ ثُوْبَهُ مِنَ الْخُيَلَاءِ لَمْ يَنْظُرْ
اللَّهُ إِلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ .

Maksudnya:

Barangsiapa menyeret pakaianya dengan sombang, maka Allah tidak akan memandangnya pada hari kiamat.

Berlebih-lebih dalam sesuatu perkara akan menimbulkan perkara-perkara negatif yang dilarang orang Islam melakukannya antaranya membazir. Umat Islam sangat dilarang daripada melakukan perbuatan membazir dan berlebih-lebihan sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-Israa' ayat 26:

وَعَاتِ ذَالْقُرْبَىٰ حَقَمُ وَالْمُسْكِينَ وَأَبْنَ السَّبِيلِ
وَلَا تَبْدِرْ تَبَذِيرًا ﴿٦﴾

Mathumnya:

Dan berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturrahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syara').

Memakai pakaian atau berdandan dengan berlebih-lebihan boleh menjadi tarikan kepada orang yang melihatnya. Apatah lagi jika tujuan untuk membezakan dirinya daripada orang lain dari segi warna, bentuk dan coraknya boleh menimbulkan perasaan bangga dan megah di dalam hatinya. Dengan kata lain ia

membawa maksud memakai pakaian dengan tujuan supaya diri menjadi popular atau glamor.

Hadits riwayat Ibnu Majah, daripada Ibnu 'Umar katanya, bersabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*:

مَنْ لِيْسَ ثَوْبَ شُهْرَةَ الْبَسَةِ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثَوْبَ مَذَلَّةٍ .

Maksudnya:

Barangsiapa memakai pakaian yang berlebih-lebihan, maka Allah akan memberikan pakaian kehinaan di hari kiamat nanti.

Keterampilan bukan bermakna kita dikehendaki berpakaian mahal atau glamor tetapi cukuplah dengan memakai pakaian yang sesuai dengan keadaan, tempat dan masa, asalkan pakaian yang dipakai itu selesa, kemas dan bersih.

Berpakaian dan Berhias Menurut Islam

Wahai kaum muslimin yang dirahmati Allah, marilah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Dalam menjalani kehidupan di dunia ini, terdapat beberapa keperluan asasi yang sangat penting untuk dimiliki oleh setiap individu antaranya ialah tempat tinggal, makan minum, kenderaan dan termasuklah juga pakaian. Dalam perkara pakaian, tujuan utama pakaian itu dicipta adalah untuk melindungi tubuh badan, di samping itu juga untuk berhias. Akan tetapi sebagai umat Islam kita hendaklah mengetahui, memahami dan mentaati etika berpakaian yang betul dan menurut batas-batas yang telah ditetapkan oleh syara' seperti menutup aurat, kemas, bersih dan tidak berlebih-lebihan. Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* berfirman dalam Surah al-A'raaf ayat 26, mafhumnya:

"Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah

menurunkan kepada kamu (menciptakan bahan-bahan) pakaian untuk menutup aurat kamu dan pakaian indah (untuk perhiasan). Dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang paling baik. Yang demikian itu adalah sebahagian daripada tandatanda (kekuasaan dan kebesaran) Allah supaya mereka mengambil peringatan (dan bersyukur)."

Sesungguhnya agama Islam mewajibkan lelaki dan perempuan untuk menutup aurat mereka dan menggariskan cara-cara menutup aurat itu. Aurat menurut istilah syara' ialah bahagian tubuh manusia yang wajib ditutup dan dilindungi daripada pandangan orang ramai. Adapun aurat lelaki ialah anggota yang ada di antara pusat dan dua lutut, manakala aurat perempuan pula ialah seluruh anggota tubuh badannya melainkan

muka dan dua tapak tangan sehingga dua pergelangan tangannya.

Terdapat banyak kebaikan dan hikmah dari kewajipan menutup aurat khasnya bagi kaum perempuan antaranya sebagaimana telah dijelaskan dalam al-Qur'an ialah supaya mereka dikenali sebagai perempuan yang baik-baik dan dengan berpakaian demikian mereka tidak akan diganggu. Secara tidak langsung pakaian yang menutup aurat dan sopan merupakan antara cara untuk menghindari fitnah, pandangan yang jahat dan menghindarinya dari perkara yang buruk berlaku.

Pada masa kini, perkembangan fesyen pakaian dan perhiasan sangat berkembang luas. Pakaian dan perhiasan direka dengan pelbagai gaya dan corak yang cantik dan menarik. Islam mengharuskan kita berpakaian cantik, tetapi apa yang penting ialah pakaian tersebut hendaklah menutup aurat dan tidak berlebih-lebihan sehingga boleh menimbulkan rasa bangga diri dan fitnah.

Sememangnya tidak semua pakaian dan perhiasan sesuai dipakai oleh orang-orang Islam. Oleh itu kita hendaklah memilih mana-mana pakaian yang bersesuaian dan dibolehkan oleh syara' sahaja. Apa yang mendukacitakan terdapat sebilangan orang khasnya perempuan yang berpakaian tidak menepati

dengan ajaran Islam. Mereka berpakaian seolah-olah hanya untuk bergaya dan dipandang cantik sahaja. Ada dari kalangan perempuan yang beranggapan bahawa cukup sekadar memakai tudung sahaja sedangkan pakaian yang dipakai tidak menepati tuntutan syara' dalam menutup aurat seperti memakai seluar ketat, kain berbelah hingga menampakkan kaki, baju yang ketat, pendek, nipis, tidak menutup kaki seperti tidak memakai stoking dan bermacam-macam lagi. Inilah akibat jika kita tidak mahu mengambil berat dan tidak mahu memahami secara mendalam akan tatacara berpakaian yang betul dalam Islam.

Sebagai umat Islam kita hendaklah mengetahui akan ciri-ciri menutup aurat yang dituntut oleh syara' bagi perempuan, antaranya ialah:

Pertama: Pakaian tersebut hendaklah longgar, bukan pakaian sempit yang menampakkan bentuk badan.

Kedua: Pakaian yang labuh yang menutup keseluruhan anggota badan. Bukan pakaian yang pendek, singkat atau berbelah mendedahkan leher, tangan, kaki dan sebagainya.

Ketiga: Pakaian yang menutup warna kulit anggota dari kelihatan. Bukan pakaian yang nipis atau jarang yang menampakkan warna kulit dan bayang-bayang tubuh dari luar.

Keempat: Tudung ialah pakaian yang biasa dipakai untuk menutup aurat pada bahagian kepala wanita seperti rambut, telinga dan sebagainya. Tudung yang dipakai itu hendaklah diperbuat daripada kain atau bahan yang boleh menutup warna kulit dan rambut dari kelihatan. Bukan tudung yang jarang, nipis atau berlubang-lubang sehingga boleh menampakkan warna kulit atau anggota yang lain. Pemakaian tudung pula hendaklah menutup seluruh kepala termasuk leher kecuali kawasan muka. Bukanlah cara tudung yang betul menurut syara' jika masih menampakkan rambut, leher, tengkok, telinga, bahagian dada dan seumpamanya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah an-Nuur ayat 31, mafhumnya:

"Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang perkara yang diharamkan) dan memeliha kemaluan mereka (daripada melakukan perkara yang haram). Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka kecuali yang zahir daripadanya (muka dan kedua telapak tangan), dan hendaklah mereka menutupkan tudung ke dada mereka..."

Menutup aurat bukan sahaja ditekankan kepada perempuan sahaja, bahkan juga kepada lelaki kerana terdapat sebilangan dari

mereka yang berpakaian tidak menutup aurat seperti berseluar pendek yang menampakkan anggota aurat bagi lelaki atau memakai seluar yang ketat hingga menampakkan raut anggota.

Ingatlah wahai kaum muslimin, tuntutan menutup aurat ini tidak boleh diambil ringan. Ancaman dan balasan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sangat keras terhadap mereka yang tidak melaksanakan atau tidak memperdulikan tuntutan menutup aurat itu.

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda, maksudnya:

"Ada dua golongan ahli neraka yang belum pernah aku (Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam) melihatnya iaitu kaum lelaki memegang cemeti seperti ekor sapi yang mereka gunakan untuk memukul orang lain, dan wanita-wanita yang berpakaian tetapi mereka bertelanjang (pakaian tidak menutup aurat kepala dan badan sebagaimana yang diperintahkan oleh agama), yang berjalan berlagak menggoyangkan bahu, kepala mereka seperti bongkol unta yang condong, mereka itu tidak masuk syurga, bahkan tidak mencium baunya, pada

hal bau syurga itu sebenarnya dapat dihidu dari jarak sekian-sekian (yang cukup jauh)."

Muslimin yang dirahmati Allah.

Dalam kita memperkatakan tentang perhiasan pula, kita dapat terdapat sebilangan lelaki yang terikut-ikut dengan tren atau gaya pemakaian perhiasan seperti gelang, rantai dan subang atau anting-ting. Perhiasan tersebut adalah khusus bagi perempuan sahaja. Perlu diketahui bahawa lelaki adalah haram untuk memakai gelang, rantai dan anting-ting walaupun perhiasan tersebut bukan diperbuat dari emas. Perhiasan yang hanya dibolehkan bagi lelaki ialah memakai cincin. Cincin itu pula hendaklah bukan diperbuat daripada emas kerana haram bagi lelaki memakai perhiasan yang diperbuat daripada emas.

Kita umat Islam hendaklah mentaati apa jua perintah dan larangan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, ini termasuklah dalam hal menutup aurat dan memakai perhiasan yang hanya dibenarkan oleh syara'. Perkara ini hendaklah diambil berat oleh setiap orang. Para ibu bapa, suami serta penjaga hendaklah mendidik dan membimbing anak, isteri dan anggota keluarga yang lain untuk berpakaian yang menutup aurat dan sebagainya. Itulah antara tanggungjawab seorang suami dan ayah kepada ahli keluarga

mereka. Oleh itu, jika dia mendapati ahli keluarganya tidak menutup aurat, ataupun mendapati anak lelaki dan ahli keluarga memakai perhiasan yang diharamkan seperti gelang, rantai dan seumpamanya, maka berilah teguran dan nasihat kepada mereka. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah asy-Syu'araa ayat 214, mafhumnya:

"Dan berilah peringatan kepada kaum kerabatmu yang dekat."

Muslimin yang dirahmati Allah.

Agama Islam tidak melarang umatnya untuk berpakaian cantik bagi mengikut peredaran fesyen semasa asalkan pakaian tersebut tidak bersalahan dengan ajaran Islam. Jangan pula hanya berpakaian menutup aurat ketika berada di dalam majlis rasmi atau ketika menghadiri majlis-majlis suka dan duka, majlis-majlis keagamaan atau di bulan Ramadhan sahaja, tetapi hendaklah istiqamah dan bersungguh-sungguh menutup aurat ketika berada di mana sahaja termasuklah semasa bersukan, beriadah dan aktiviti-aktiviti yang lain. Pakailah pakaian yang menutup aurat, dan janganlah memakai pakaian dan perhiasan yang dilarang oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu, kita akan mendapat ganjaran pahala, diselamatkan jiwa dan maruah dari sebarang bahaya dan selamat dari azab neraka. *Amin Ya Rabbal 'Alamin.*

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, daripada Sahl bin Mu'adz dari ayahnya berkata, sesungguhnya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

مَنْ تَرَكَ أَنْ يُلْبِسَ صَالِحَ
الثِّيَابَ وَهُوَ يَقْدِرُ عَلَيْهِ
تَوَاضُّعًا لِلَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى دَعَاهُ
اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى عَلَى رُؤُوسِ
الْخَلَائِقِ حَتَّى يُخِيرُهُ اللَّهُ تَعَالَى
فِي حُلَلِ الْأَلِيمَانِ أَيْمَانُ شَاءَ.

Maksudnya:

Barangsiapa yang meninggalkan pakaian yang indah-indah padahal dia mampu membelinya kerana merendahkan diri kepada Allah, maka Allah akan memanggilnya di hadapan sekalian manusia untuk disuruh memilih sendiri pakaian iman yang mana saja yang ia suka.

Memakai perhiasan bukan sekadar membuatkan penampilan seseorang itu agar kelihatan cantik,

Legasi Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam* Dalam Berpakaian dan Berhias

anggun dan menawan tetapi ia juga dapat mengenalpasti hal keperibadian seseorang itu hanya dengan perhiasan yang dipakainya. Malah pakaian juga berperanan menggambarkan identiti satu agama seperti memakai jubah, serban dan tengkolok antara pakaian orang Islam. Manakala pakaian sami merujuk kepada agama Buddha, pakaian paderi identiti seorang Kristian dan juga lain-lain agama dengan identitinya sendiri.

Hadits riwayat Imam Ahmad, daripada Abu Umamah berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَهْلَ الْكِتَابِ يَتَسَرُّوْلُونَ
وَلَا يَأْتِرُونَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ تَسَرُّوْلُوا وَأَتْرِزُوْا وَخَالِفُوا أَهْلِ الْكِتَابِ.

Maksudnya:

Wahai Rasulullah, sesungguhnya ahli kitab itu memakai seluar tetapi tidak memakai kain.



*Lalu Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:
Pakailah seluar dan berkainlah serta bezakanlah kamu dari ahli kitab.*

Dalam Islam, menutup aurat itu adalah perkara wajib dalam berpakaian. Ia bukanlah suatu perkara yang boleh diambil ringan dan remeh sahaja. Banyak aspek yang perlu dititikberatkan dari segi cara berhias, kebersihan, kecantikan pakaian yang dipakai bersesuaian dengan kehendak hukum adat dan agama.

Dalam al-Qur'an dan hadits ada menjelaskan bahawa Islam mengutamakan kecantikan malah disarankan agar sentiasa dalam keadaan bersih

dan indah tanpa ada sifat menunjuk-nunjuk, riya' dan takabbur. Apa yang diperlihatkan sebagai mensyukuri ni'mat Allah Subhanahu wa Ta'alā dengan memanfaatkannya pada syari'at Islam yang betul.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'alā dalam Surah al-A'raaf ayat 26:

يَبْنِي إِدَمْ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَرِّي
سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسًا مُّنْقُوْيًا ذَلِكَ خَيْرٌ
ذَلِكَ مِنْ ءَايَتِ اللَّهِ لِعَلَّهُمْ يَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾

Mafhumnya:

"Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (menciptakan bahan-bahan) pakaian untuk menutup aurat kamu dan pakaian indah (untuk perhiasan). Dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang paling baik. Yang demikian itu adalah sebahagian daripada tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Allah supaya mereka mengambil peringatan (dan bersyukur)."

Hadits riwayat Imam Muslim, daripada Abdullah bin Mas'ud, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ
مِنْ كِبْرٍ قَالَ رَجُلٌ: إِنَّ الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ
ثَوْبَهُ حَسَنًا وَنَعْلَهُ حَسَنَةً: قَالَ إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ
يُحِبُّ الْجَمَالَ. الْكِبْرُ بَطَرُ الْحَقَّ وَغَمَطُ النَّاسَ.

Maksudnya:

Tidak masuk syurga seseorang yang di dalam hatinya ada sebesar zarrah dari kesombongan. Lalu ada seorang laki-laki bertanya Seungguhnya seseorang itu suka kalau bajunya baik dan kasutnya pun baik (apakah dia itu termasuk sompong)? Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam menjawab: Sesungguhnya Allah itu indah, ia suka kepada keindahan. Yang dinamakan sompong itu ialah menolak kebenaran dan merendahkan orang lain.

Pakaian dan perhiasan juga melambangkan sifat dan akhlak seseorang. Sifat yang dikeji seperti 'riya' dan membazir dalam pemakaian pakaian dan perhiasan adalah dilarang dan seseorang hendaklah menjauhi akhlak sedemikian. Umat Islam mestilah menjaga etika dan batasan dalam pemakaian yang disarankan oleh syara'.

Niat juga amat penting dalam berpakaian disebabkan umat Islam hendaklah menjauhi sifat berbangga diri, bermegah, berlagak, menunjuk-nunjuk ('riya') apatah lagi jika ia bertujuan memperlekehkan orang lain. Walaupun pakaian yang dipakai itu menutup aurat namun ia tetap mendapat dosa kerana memiliki niat yang ingin menunjuk-nunjuk dan bermegah dengan cara ia berpakaian dan berhias.



Ini berdasarkan peringatan yang diberikan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Ibnu 'Umar Radhiallahu 'anhuma, baginda bersabda:

مَنْ لِبَسَ ثُوْبَ شُهْرَةً فِي الدُّنْيَا،
الْبَسَهُ اللَّهُ ثُوْبٌ مَذَلَّةٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya:

Sesiapa yang memakai baju untuk tujuan bangga diri (sifat 'riya' dan takabbur) di dunia maka Allah akan pakaikannya baju yang menghinakan di hari kiamat kelak.

Begitu juga hadits yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, dari Mu'adz bin Anas daripada bapanya bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda;

مَنْ تَرَكَ الْلِّبَاسَ تَوَاضُعًا لِلَّهِ وَهُوَ
يَقْدِرُ عَلَيْهِ دُعَاهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَىٰ
رُءُوسِ الْخَلَائِقِ حَتَّىٰ يُخَرَّجَهُ مِنْ أَيِّ
حُلَلٍ أَلِإِيمَانِ شَاءَ يُلْبِسُهَا.

Maksudnya:

Sesiapa yang meninggalkan untuk memakai pakaian (yang elok dan cantik) kerana merendah diri kerana Allah (bimbang akan timbul sifat yang tidak elok seperti berlagak) sedangkan dalam masa yang sama dia mampu (memiliki dan) memakai pakaian tersebut, di hari kiamat kelak Allah akan menjemputnya di hadapan seluruh makhluk untuk dia memilih akan apa juar pakaian iman yang ingin dipakainya.

Oleh itu berpakaianlah mengikut ketetapan syara'. Islam tidak menghalang secara mutlak untuk seseorang memakai pakaian yang berfesyen dan berketerampilan menarik kerana Islam sendiri yang menggalakkan umatnya untuk menampilkan apa yang terbaik dan yang elok dalam berpakaian yang menzahirkan imej keperibadian yang baik dan dihormati.

Justeru, etika dan garis panduan berpakaian dalam Islam dengan menutup tubuh badan yang menjadi aurat yang telah ditetapkan oleh

syara'. Pemakaian yang menutup aurat ialah pakaian yang tidak terdedah iaitu:

- Tidak mendedahkan anggota tubuh yang menjadi aurat.
- Tidak menampakkan warna kulit anggota tubuh yang menjadi aurat.
- Tidak menampakkan secara jelas bentuk anggota tubuh yang menjadi aurat.

Justeru, pakaian yang ketat sehingga memperlihatkan bentuk anggota secara jelas dan nipis sehingga menampakkan warna kulit adalah pemakaian yang tidak menepati ciri-ciri syara' dalam menutupi aurat. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menyebutkan bahawa antara kaum yang lebih ramai dimasukkan ke dalam neraka kerana pemakaian mereka yang seolah-olah telanjang iaitu tidak menutupi aurat dengan sempurna, memperlihatkan bentuk tubuh dan warna kulit adalah golongan wanita.

Hadits diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda bahawa antara golongan yang berada dalam neraka ialah:

صِنَفٌ مِّنْ أَهْلِ النَّارِ لَمْ أَرَهُمَا
 : قَوْمٌ مَعَهُمْ سِيَاطٌ كَذَنَابِ الْبَقَرِ
 يَضْرِبُونَ بِهَا النَّاسَ، وَنِسَاءٌ كَسِيَّاتٌ
 عَارِيَاتٌ، مُمِيلَاتٌ مَائِلَاتٌ،
 رُءُوسُهُنَّ كَأَسْنِمَةِ الْبُحْتِ الْمَائِلَةِ،
 لَا يَدْخُلُنَّ الْجَنَّةَ وَلَا يَجِدْنَ رِيحَهَا،
 وَإِنَّ رِيحَهَا لَيُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ كَذَا
 وَكَذَا.

Maksudnya:

Dua kategori penghuni neraka yang belum pernah aku melihatnya lagi iaitu satu kaum yang memegang cemeti (pemukul) seperti ekor lembu dan wanita-wanita yang berpakaian tetapi bertelanjang (mereka memakai pakaian tetapi tidak menutup keseluruhan aurat), mereka cenderung untuk tidak mentaati Allah Ta'ala dan mempengaruhi orang lain daripada mentaati Allah, dengan kata lain mereka mengajak lelaki melakukan zina, mempunyai sanggul seperti bonggol unta (supaya orang kagum kepada mereka). Mereka tidak akan masuk syurga dan tidak akan menghidu baunya walaupun bau syurga itu mampu untuk dihidu sejauh perjalanan tertentu.

Maka, tujuan utama bagi etika dan garis panduan dalam pemakaian cara Islam adalah untuk:

- Menjaga keamanan diri dan kehormatan diri daripada berlaku fitnah ke atas mereka.
- Menjauhi diri daripada sifat riyā' dan sompong.
- Memberikan perlindungan kepada mereka kerana pakaian adalah salah satu cara menjaga diri daripada bencana, bahaya dan sakit.
- Membawa imej yang baik dan elok dalam menampakkan jati diri seorang Islam.
- Sentiasa dalam keberkatan Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam menjaga imej pakaian dan keterampilan diri sendiri dengan menurut hukum syara'.

Justeru, galakan memakai pakaian yang elok dan cantik serta menjaga keterampilan diri bagi memperlihatkan tanda ni'mat Allah Subhanahu wa Ta'ala ke atasnya. Dengan berpakaian bukan sahaja menggambarkan identiti, malah juga antara penentuan seseorang untuk dihukum dan dihijab di hari akhirat bagi menuju ke jalan syurga mahupun neraka. Pakailah pakaian yang kemas, sempurna menutup aurat, tidak menunjukkan dan selalu mengikuti yang disarankan oleh Syara'.

Biarlah Cantik Bersyari'at

...وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبْنَ بِخُمُرٍ هُنَّ عَلَى جُوبِيْرٍ ...

Mafhumnya:

...Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka kecuali yang zahir daripadanya (muka dan kedua-dua telapak tangan), dan hendaklah mereka menutupkan tudung ke dada mereka...

(Surah an-Nuur:31)

Sejak zaman-berzaman, pakaian telah menjadi salah satu aspek penting dan keperluan asas manusia. Malahan, gaya berpakaian dan arus fesyen sekarang semakin berkembang sehingga mempengaruhi pemakaian dan penampilan setiap manusia, tidak terkecuali umat Islam.

SEBAB TURUN AYAT

Ibnu Katsir dalam kitab tafsirnya menyatakan bahawa ayat 31, Surah an-Nuur ini diturunkan ketika kebiasaan perempuan jahiliyah menzhirkan perhiasan mereka seperti hujung rambut, anting-anting, leher dan bahagian atas dada.

Daripada Muqatil ibnu Hayyan meriwayatkan bahawa Jabir ibnu 'Abdullah al-Anshari menceritakan bahawa Asma' binti Marsad berada di kebun kurma miliknya. Dia seringkali dikunjungi oleh kaum wanita yang tidak mengenakan kain panjang, hingga kelihatan perhiasan gelang kaki mereka. Begitu juga dada-dada mereka dan hujung-hujung rambut mereka. Maka Asma' pun berkata, "Alangkah buruknya pemandangan (pakaian) ini."

Kebiasaan bagi orang Arab sebelum Islam, bahagian kepala mereka sudah biasa ditutup dengan khimar iaitu sesuatu yang menutup kepala mereka. Tetapi kain hujungnya dibawa ke belakang, maknanya pakaian wanita waktu itu terbuka di bahagian dada. Maka apabila Islam datang, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan agar kain itu dibawa ke bahagian depan menutupi dada. Sayidatina 'Aisyah *Radhiyallahu anha* menceritakan ketika ayat ini

diturunkan, mereka membacakan ayat ini kepada keluarga mereka dan para wanita terus mencari kain untuk menutupi bahagian tubuh mereka. Dan mereka terus meninggalkan kain yang jarang dan mula memakai kain yang kasar dan tebal.

Justeru, Allah *Subhanahu wa Ta’ala* menurunkan ayat ini dan memerintahkan agar perempuan-perempuan Islam menutup aurat dengan sempurna iaitu untuk melabuhkan tudung hingga menutupi dada, tidak menampakkan rambut, leher, telinga serta tidak boleh memakai wangи-wangian sehingga menarik perhatian lelaki asing. Ini bertujuan bagi memelihara kemuliaan mereka serta mengelak berlakunya fitnah.

EVOLUSI FESYEN

Agama Islam tidak melarang umatnya untuk tampil segak dan cantik. Namun begitu, agama Islam telah meletakkan aturan berpakaian sejajar dengan nilai kesopanan dan akhlak. Ini adalah untuk melindungi peribadi dan maruah umat Islam. Bahkan Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* juga tidak melarang seseorang itu untuk berfesyen malah baginda menerangkan bahawa Allah itu sifatNya cantik dan suka akan kecantikan sepertimana dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abdullah bin Mas’ud *RadiAllahu ‘anhu*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

“Sesungguhnya Allah itu cantik dan suka akan kecantikan.”

Namun jika kita teliti di kalangan umat Islam, gaya berpakaian yang dahulunya lebih berperanan sebagai penutup aurat kebanyakannya semakin berubah dari hari ke hari. Apa yang lebih menyedihkan, kebanyakan gaya fesyen yang ditonjolkan tidak mengikut cara pemakaian yang sebenar dalam Islam. Ia lebih mengikut ‘tren’ berbanding kesedaran untuk menunaikan kewajipan. Antara cara penampilan yang tidak menepati syariat Islam itu contohnya seperti fesyen pakaian yang ketat, nipis bagi wanita, manakala bagi lelaki seperti memakai subang, berambut panjang dan sebagainya.

Justeru, walaupun konteks ayat ini lebih menekankan bagi aurat kaum wanita namun dalam artikel ini, konteks tersebut diperluaskan secara umum iaitu bagi kaum lelaki dan wanita. Jelasnya, kita sebagai umat Islam sama ada lelaki ataupun wanita hendaklah mengambil tahu larangan-larangan dan perkara-perkara yang boleh dilakukan dalam berhias agar penampilan diri tidak lari dari landasan syariat.

CANTIK BERSYARI’AT

Agama Islam telah meletakkan garis panduan mengenai adab berpakaian bagi lelaki dan wanita sepertimana menurut al-Qur’ān dan Sunnah Rasulullah:

1. Menutup aurat

Setiap muslim tidak kira lelaki atau perempuan wajib menutup aurat berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dalam Surah al-A’raaf ayat 26, mafhumnya:

Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (menciptakan bahan-bahan) pakaian untuk menutup aurat kamu dan pakaian indah (untuk perhiasan). Dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang paling baik. Yang demikian itu adalah sebahagian daripada tandatanda (kekuasaan dan kebesaran) Allah supaya mereka mengambil peringatan (dan bersyukur).

Aurat lelaki menurut jumhur fuqaha’ ialah daripada pusat hingga ke lutut. Manakala aurat wanita muslimah adalah semua anggota tubuh melainkan muka dan tapak tangan.

Justeruitu, agama Islam tidak melarang wanita untuk berpenampilan cantik, namun apa yang ditegah itu adalah *bertabarruj*.

Di dalam kitab Fiqh Sunnah, *tabarruj* ditarifkan sebagai upaya untuk memperlihatkan apa yang wajib disembunyikan. Dilihat dari asal kata, *tabarruj* bererti keluar dari *burj*, iaitu istana. Kemudian kata ini digunakan untuk menunjukkan perbuatan perempuan yang keluar dari kesopanan, memperlihatkan perhiasan-perhiasannya dan menampakkan kecantikan kecantikannya.

Dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi, daripada Abu Azinah ash-Shadafi, wanita yang bertabarruj itu disifatkan sebagai munafiq sepetimana Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

Sebaik-baik wanita kamu adalah yang penyayang, yang banyak melahirkan, yang serasi (dengan suaminya) jika mereka bertaqwah kepada Allah. Dan seburuk-buruk wanita adalah yang bertabarruj dan sompong. Mereka itulah orang-orang munafiq. Tidak akan masuk syurga salah seorang di antara mereka kecuali seperti gagak putih.

Oleh yang demikian, sepetimana anjuran ayat ini, Islam menganjurkan wanita muslimah untuk melabuhkan tudung sehingga menutupi dada, tidak menampakkan rambut, leher, telinga serta tidak boleh memakai wangi-wangian sehingga menarik perhatian lelaki asing.

2. Tidak ketat dan tidak menampakkan tubuh

Pakaian yang ketat atau jarang sehingga menampakkan susuk tubuh adalah tidak memenuhi syarat menutup aurat. Pakaian yang ketat dan nipis juga adalah termasuk dalam perkara-perkara *tabarruj*.

Dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Dua golongan ahli neraka yang belum pernah aku lihat ialah, satu golongan memegang cemeti seperti ekor lembu yang digunakan bagi memukul manusia dan satu golongan lagi wanita yang memakai pakaian tetapi telanjang dan meliuk-liukkan badan juga kepalanya seperti bonggol unta yang tunduk. Mereka tidak masuk syurga dan tidak dapat mencium baunya walaupun bau syurga itu dapat dicium daripada jarak yang jauh.”

3. Tidak menunjukkan riya' dan kesombongan

Islam menegah memakai pakaian yang menimbulkan perasaan sompong dan bangga diri contohnya pakaian yang dipenuhi manik yang berkilauan dan berwarna-warni, pakaian yang panjang meleret ke lantai dan sebagainya. Dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim, daripada Ibnu 'Umar, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang maksudnya: *“Sesiapa yang menyeret pakaiannya kerana sompong, maka Allah tidak akan memandangnya pada hari kiamat.”*

Dalam hadits lain yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Nasai'e, daripada Ibnu 'Umar, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang memakai pakaian yang berlebih-lebihan, maka Allah akan memberikan pakaian kehinaan pada hari akhirat nanti.”

4. Tidak menyerupai jantina lain

Wanita muslimah dilarang berpakaian menyerupai seperti lelaki, begitu juga sebaliknya. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menegaskannya menerusi sabdanya dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang bermaksud:

“Allah mengutuk wanita yang meniru pakaian dan sikap lelaki, dan lelaki yang meniru pakaian dan sikap perempuan.”

Manakala dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Hakim, daripada Abu Hurairah baginda juga bersabda yang bermaksud:

“Allah melaknat lelaki berpakaian wanita dan wanita berpakaian lelaki.”

5. Larangan memakai emas dan sutera bagi lelaki

Islam mengharamkan kaum lelaki memakai emas dan sutera. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Abi Musa *Radhiallahu 'anhu* yang bermaksud:

“Dihalalkan emas dan sutera untuk kaum perempuan daripada umatku, dan diharamkan bagi kaum lelaki daripada umatku.”

6. Tidak meniru pakaian penganut agama lain

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda dalam hadits riwayat

Imam Abu Daud, daripada Ibun 'Umar Radhiallahu 'anhuma maksudnya:

"Sesiapa menyerupai satu kaum, ia termasuk sebahagian daripada kaum tersebut."

Umat Islam juga ditegah untuk memakai pakaian yang melambangkan golongan tidak bermoral dan tidak selari dengan nilai keislaman. Begitu juga sifat *tabarruj* yang berlebih-lebihan yang lainnya seperti membuat ukiran (tatu) pada anggota badan, mencabut bulu (di wajah) dan mengikir gigi. Dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abdullah berkata, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang maksudnya:

"Allah melaknat orang-orang yang mengukir tatu dan yang minta diukir tatu, orang-orang yang mencabut bulu di wajah dan yang minta dicabutkan bulu di wajahnya dan orang-orang yang merenggangkan giginya untuk tujuan kecantikan yang mengubah ciptaan Allah."

PAKAIAN TAQWA

Islam telah meletakkan garis panduan dalam berpakaian dan berhias diri

agar kehormatan dan peribadi umat Islam sentiasa terjaga terutamanya kaum wanita. Tidak salah untuk umat Islam kelihatan segak dan cantik tetapi biarlah bersyari'at dan janganlah pula sampai berlebih-lebihan sehingga timbul perbuatan *tabarruj* yang secara jelasnya dilarang oleh Islam. Sesungguhnya kecantikan adalah anugerah yang wajib disyukuri dan dipelihara agar mendapat keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Menutup aurat itu bukan hanya sekadar menutup anggota-anggota aurat bahkan ia melebihi daripada itu. Contohnya memakai tudung itu adalah sangat mudah tetapi adakah ianya sudah sempurna? Justeru, ianya hendaklah diikuti dengan tujuan menutup aurat yang bukan hanya wajib bahkan mestilah atas dasar tauhid dan keimanan kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan sebetulnya bagi menegakkan nilai peribadi dan akhlak yang mulia.

Bagi wanita yang sudah bertudung, tingkatkan pula diri hingga ke peringkat menutup aurat dengan sempurna iaitu tidak ketat, tidak jarang dan sebagainya. Bukan sahaja diri dilitupi oleh kain, tetapi yang lebih penting hati dilitupi oleh rasa malu. Sesungguhnya inilah pakaian taqwa yang terbaik.



KECANTIKAN: Amanah dan Ujian

Pengiran Norhayati binti
Pengiran Haji Kasharan
Penguasa Da'wah dan Tabilgh,
Pusat Da'wah Islamiah

إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah Subhanahu wa Ta'ala itu Maha Indah dan menyukai keindahan.

(Hadits riwayat Imam Muslim)

Keindahan dan kecantikan Allah Subhanahu wa Ta'ala mencakupi zat serta SifatNya. Begitulah juga Allah menginginkan kecantikan pada ciptaanNya.

Manusia diciptakan sebagai makhluk yang paling baik. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah at-Tiin ayat 4:

لَقَدْ خَلَقْنَا إِلَّا إِنْسَنَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Mafhumnya:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.

Allah menghendaki manusia untuk menzahirkan keindahan ciptaanNya dengan menjaga dan menghiasi diri dengan perilaku yang molek. Begitu juga menjaga penampilan diri. Perkara ini jelas disebutkan melalui firman Allah di dalam Surah al-A'raaf, ayat 31:

يَنِّيْ إَادَمَ خُدُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُّهُوا وَأَشْرَبُوا وَلَا تَسْرِفُوا إِنَّمَا لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

Mafhumnya:

Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang baik lagi sempurna setiap kali mendirikan sembahyang (dan tawaf), serta makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.

Antara sifat mulia atau disebut juga sebagai sifat mahmudah ialah sifat qana'ah. Sifat qana'ah sangat penting untuk dimiliki setiap daripada kita. Berapa kali pernah kita bertanya pada diri sendiri, ada berapa pasang pakaian yang kita ada? Ada berapa helai tudung yang kita miliki? Ada berapa pasang kasut yang memenuhi setiap tingkat rak kasut kita di rumah? Bahkan ada beberapa pasang kasut atau selipar yang ada di dalam setiap buah kereta yang kita miliki? Pasti biskita senyum-senyum sendiri sambil mengira-ngira dan mengingat-ingat warna-warna yang ada bukan?

Qana'ah adalah bentuk rasa syukur, tidak mengeluh dengan segala usaha dan hasil yang diperolehi. Ia bagaikan perisai daripada sifat tamak dalam kehidupan dunia. Ia membawa rasa tenang dan damai dalam kehidupan.

Fitrahnya manusia suka pada yang cantik-cantik. Seperti yang Allah inginkan daripada kita semua. Allah suka kita dilihat cantik. Kerana ia memperlihatkan ni'mat-ni'mat yang Allah telah berikan kepada kita.

Firman Allah di dalam Surah adh-Dhuhaa, ayat 11:

وَمَا يَنْعَمُ بِرِّيْكَ فَحَدَّثْ ﴿١١﴾

Mafhumnya:

Dan terhadap ni'mat Tuhanmu, hendaklah engkau menyatakannya (sebagai tanda kesyukuran).

Cara menyatakan kesyukuran atas kurniaan Allah adalah dengan menghiasi diri dengan pakaian yang sempurna menutup aurat, menjaga kesihatan tubuh badan dengan baik dan menghiasi diri dengan akhlak yang baik.

Allah mengurniakan kepada kita hamba-hambaNya pakaian untuk menutup aurat dan juga pakaian untuk perhiasan. Firman Allah dalam Surah al-A'raaf, ayat 26:

يَبْنَىٰءَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَرِّي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا
وَلِبَاسُ الْمُنَّقُوْتِ ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ إِيمَانِهِ لَعَلَّهُمْ يَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾

Mafhumnya:

Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (menciptakan bahan-bahan) pakaian untuk menutup aurat kamu dan pakaian indah (untuk perhiasan). Dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang paling baik. Yang demikian itu adalah sebahagian daripada tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Allah supaya mereka mengambil peringatan (dan bersyukur).

Berhias tidak dilarang dalam Islam. Cuma perlu bersederhana. Jangan sampai menjadi golongan yang tidak mencium bau syurga. Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam sebuah hadits riwayat Imam Muslim daripada Abu Hurairah:

صِنْفَانِ مِنْ أَهْلِ التَّارِ لَمْ أَرْهُمَا : قَوْمٌ مَعَهُمْ سِيَاطٌ كَأَذْنَابِ الْبَقَرِ يَضْرِبُونَ
إِهَا النَّاسَ ، وَنِسَاءٌ كَسِيَّاتٌ عَارِيَاتٌ ، مُمِيلَاتٌ مَائِلَاتٌ ، رُءُوسُهُنَّ
كَأَسِنَمَةِ الْبُخْتِ الْمَائِلَةِ ، لَا يَدْخُلُنَ الْجَنَّةَ وَلَا يَجِدْنَ رِيحَهَا ، وَإِنَّ رِيحَهَا
لَيُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ كَذَا وَكَذَا .

Maksudnya:

Dua kategori penghuni neraka yang belum pernah aku melihatnya lagi iaitu satu kaum yang memegang cemeti (pemukul) seperti ekor lembu dan wanita-wanita yang berpakaian tetapi bertelanjang (mereka memakai pakaian tetapi tidak menutup keseluruhan aurat), mereka cenderung untuk tidak mentaati Allah Ta'ala dan mempengaruhi orang lain daripada mentaati Allah, dengan kata lain mereka mengajak lelaki melakukan zina, mempunyai sanggul seperti bonggol unta (supaya orang kagum kepada mereka). Mereka tidak akan masuk syurga dan tidak akan menghidu baunya walaupun bau syurga itu mampu untuk dihidu sejauh perjalanan tertentu.

Pakaian taqwa adalah yang terbaik. Keindahan paras rupa, kekuatan tubuh badan, adalah amanah Allah yang perlu dijaga dengan baik.

Semuanya akan dipertanggungjawabkan nanti di akhirat. Keindahan wajah yang diiringi dengan kelembutan budi pekerti pasti dapat melembutkan hati orang-orang yang ditemui. Dengan cara itu, orang akan suka mendampingi. Mudah pula untuk berda'wah. Berda'wah bukan dengan cara bercakap atau berceramah saja. Menunjukkan akhlak yang baik juga da'wah. Berpenampilan sopan menurut syara' juga da'wah.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bersabda yang bermaksud:


"Barangsiapa mengajak kepada kebaikan, maka ia akan mendapat pahala sebanyak pahala yang diperoleh orang-orang yang mengikutinya tanpa mengurangi pahala mereka sedikitpun. Sebaliknya, barangsiapa mengajak kepada kesesatan, maka ia akan mendapat dosa sebanyak yang diperoleh orang-orang yang mengikutinya tanpa mengurangi dosa mereka sedikitpun.

Mudah-mudahan kita semua dapat menjaga kecantikan dan keindahan kurniaan Allah sebagai amanah dan dipelihara daripada fitnahnya.

Taqwa adalah pakaian yang terbaik. Keindahan rupa, kekuatan dan kecantikan adalah amanah Allah yang perlu dijaga.

Tabarruj dalam Berpakaian

Menutup aurat adalah wajib ke atas setiap umat Islam sama ada lelaki atau perempuan. Aurat laki-laki adalah antara pusat hingga lutut, manakala perempuan pula seluruh anggota tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan. Dalam perkara ini, pakaian memainkan peranan penting sebagai keperluan umat manusia untuk menutup aurat. Selain daripada menutup aurat, pakaian juga berperanan sebagai alat untuk melindungi tubuh kita dari terik matahari, cuaca sejuk, gigitan serangga dan sebagainya. Walau bagaimanapun Islam menganjurkan supaya umatnya tidak berlebih-lebihan dalam apa jua perkara yang berkaitan dengan pemakaian pakaian dan perhiasan.



Jenis-jenis *tabarruj* itu adalah seperti:

- Bertabarruj dalam berpakaian.
- Bertabarruj dalam perhiasan.
- Bertabarruj ketika berjalan.

Islam menganjurkan kepada setiap muslim untuk mengenakan pakaian yang sopan dan sesuai dengan syari'at Islam. Seseorang wanita yang memakai pakaian terlalu ketat, nipis atau jarang sehingga jelas menampakkan bentuk tubuh dan anggota badan yang tidak sepatutnya dilihat oleh lelaki yang bukan mahramnya adalah salah satu bentuk *tabarruj*. Selain itu, pemakaian jilbab (tudung kepala) seperti bonggol unta juga dianggap sebagai bentuk *tabarruj*.

Dalam hal pemakaian jilbab atau tudung kepala yang tidak menutup sepenuhnya seperti pemakaian tudung yang pendek sehingga menampakkan bentuk anggota tubuh badan yang sepatutnya ditutup dan ada juga yang memakai hanya mengikut tren dan fesyen semata-mata adalah termasuk dalam *tabarruj*. Pemilihan fabrik atau jenis kain yang digunakan untuk jilbab atau pakaian juga perlulah dititikberatkan kerana di zaman ini banyak jenis fabrik yang digunakan mengikut lekuk dan bentuk tubuh wanita yang memakainya. Perbuatan seperti ini adalah bertentangan dengan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-Ahzaab ayat 59:

يَأَيُّهَا النِّسَاءُ قُلْ لَا أَرْوِحُكُمْ وَبِنَاتِكُمْ وَنِسَاءُ
الْمُؤْمِنِينَ يُدِينُنَّ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلِيلِهِنَّ
ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفُنَّ فَلَا يُؤْذَنُونَ وَكَانَ اللَّهُ
غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

Mafhumnya:

Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya memakai jilbab mereka bagi menutup seluruh tubuh mereka (semasa keluar rumah). Yang demikian itu lebih mudah untuk mereka dikenali supaya mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

Hikmah besar disyari'atkan memakai jilbab bagi kaum wanita semasa keluar rumah adalah untuk menutupi kecantikan dan perhiasannya dari pandangan lelaki yang bukan mahramnya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam Surah an-Nuur ayat 31:

... وَلَا يَبْدِيهِنَّ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهُنَّ
وَلَيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ ...

Mafhumnya:

...Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka kecuali yang zahir daripadanya (muka dan kedua-dua tapak tangan), dan hendaklah mereka menutupkan tudung ke dada mereka...

Pakaian seorang muslimah itu tentu berbeza dengan pakaian wanita yang bukan beragama Islam. Pakaian wanita salihah ialah pakaian yang menutup seluruh auratnya kecuali muka dan kedua tapak tangan berbanding dengan wanita yang bukan beragama Islam, mereka bebas memilih dan memperlihatkan aurat mereka sewenang-wenangnya.

Ciri-ciri pakaian wanita yang tidak disukai oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* adalah pakaian yang dipakai secara berlebih-lebihan kerana pada dasarnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak

menyukai perkara yang berlebihan termasuk cara berpakaian. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-A'raaf ayat 31:

يَبْنِيَّ إِدَمْ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ
مَسْجِدٍ وَكُلُّاً وَأَشْرِبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّمَا
لَيُنْهَا مُؤْمِنُونَ فِينَ ﴿٣١﴾

Mafhumnya:

Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang baik lagi sempurna setiap kali mendirikan sembahyang dan tawaf, serta makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.

Yang dimaksudkan dengan berlebih-lebihan itu ialah sesuatu perkara yang melampaui batas daripada garis panduan yang disyari'at oleh Islam. Oleh yang demikian, wanita yang memakai pakaian secara berlebih-lebihan merupakan wanita yang tidak menghiraukan garis panduan yang dianjurkan dalam agama Islam.

Antara beberapa contoh wanita yang berpakaian secara berlebihan ialah:

- Wanita yang memakai pakaian tetapi auratnya masih jelas kelihatan. Pada dasarnya ia berpakaian tetapi telanjang seperti memakai pakaian yang terlalu ketat sehingga menzahirkan bentuk tubuh badan, memakai seluar pendek dan sebagainya.
- Wanita yang memakai pakaian jarang dan nipis sehingga warna kulitnya masih jelas kelihatan dari luar.
- Wanita yang memakai pakaian lelaki sehingga wanita tersebut menyerupai lelaki.
- Wanita yang berpakaian sesuai dengan syari'at Islam tetapi niatnya bukan kerana Allah melainkan hanya untuk menyombongkan diri, bermegah-megah dan supaya dipuji oleh orang lain.

Pada dasarnya Islam sangat melarang wanita untuk melakukan sesuatu perkara dengan *bertabarruj*. Sekalipun wanita itu telah menutup aurat dan berpakaian mengikut syari'at Islam, tidak mustahil mereka juga mungkin melakukan *tabarruj*.

Tabarruj seorang wanita adalah dengan menampakkan perhiasan dan kecantikan yang berlebihan, dan memperlihatkan aurat yang sepatutnya ditutup sehingga boleh membangkitkan syahwat lelaki yang melihatnya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam Surah al-Ahzaab ayat 33:

وَقُرْنَفِ بِيُوتِكُنْ وَلَا تَبْرُجْ نَبْرُجْ الْجَهْلِيَّةَ
 الْأَوَّلِيَّ وَأَقْمَنْ الْصَّلَوَةَ وَإِتِينَ الْزَّكَوَةَ
 وَأَطْعَنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُنْذِهَ
 عَنْكُمُ الْجِنَّسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطْهِرَكُمْ
 تَطْهِيرًا

Mafhumnya:

Dan hendaklah kamu sentiasa berada di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan perhiasan kamu (yang wajib ditutup) seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah dahulu dan dirikanlah sembahyang, bayarlah zakat dan taatlah kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa kamu wahai 'Ahlulbait' dan membersihkan kamu sebersih bersihnya (daripada segala perkara yang keji).

Imam Muslim telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam telah bersabda yang bermaksud:

"Ada dua golongan penghuni neraka yang belum pernah aku melihatnya. Pertama, kaum lelaki yang memegang cemeti seperti ekor sapi yang mereka gunakan untuk memukul orang lain. Kedua, wanita-wanita yang berpakaian tetapi mereka (sebenarnya) bertelanjang dan berjalan berlenggang-lengkok, rambut mereka seperti bonggol unta. Mereka tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium bau syurga. Padahal bau syurga itu boleh didapati dari jauh begini dan begini."

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam tidak menyukai umatnya (wanita) terjerumus dalam lembah kehinaan dan kesengsaraan akibat pakaian yang berlebih-lebihan. Oleh kerana itulah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam menegaskan larangan Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam hal pakaian tersebut. Maka, adalah lebih elok dan sempurna jika setiap wanita yang beragama Islam membiasakan diri dengan memakai pakaian yang sederhana sesuai dengan syari'at Islam.



Penampilan Menarik Tingkatkan Prestasi Kerja

Sebagai warga Perkhidmatan Awam hendaklah sentiasa bersemangat tinggi dalam melaksanakan tugas dengan cekap dan efisien bagi mencapai objektif yang diharapkan oleh sesebuah organisasi di samping perlu mempunyai inovasi dan berfikiran secara proaktif dalam menangani masalah dan cabaran serta dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja.

Justeru itu, dalam merealisasikan perkara di atas, memiliki penampilan yang baik dan menarik adalah satu perkara penting dalam memajukan dan memantapkan kredibiliti sebuah organisasi. Berpenampilan baik mencerminkan keperibadian seseorang kerana dengannya akan dinilai sebagai orang yang mempunyai keperibadian baik.

Sebagai warga perkhidmatan awam sewajarnya menghiasi diri dengan penampilan yang baik dan menarik semasa melakukan pekerjaan dengan mempamerkan

wajah yang ceria lebih-lebih lagi yang berurusan dengan orang ramai. Ini setentunya akan mewujudkan suasana harmoni, nyaman, selesa dan bersemangat dalam menjalankan kewajiban sehari-hari. Di samping dapat menarik pelanggan bagi kebaikan organisasi, ianya juga mewujudkan rasa hormat dan rasa percaya orang. Begitu juga ia dapat menggalakkan pekerja ke arah pembentukan imej yang lebih positif sekaligus dapat meningkatkan prestasi kerja dalam organisasi yang diwakili.

Bukan hanya tertumpu pada pakaian dan pemakaiannya, malahan ianya merangkumi personaliti yang meliputi kemahiran komunikasi, kemahiran perhubungan awam, keyakinan diri, ketampanan, kecantikan, kesihatan dan kebersihan.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 222 yang mafhumnya: "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri."

Dari segi berpakaian pula, Islam menitikberatkan agar umatnya memakai pakaian bersopan



santun seperti yang disarankan mengikut garis pandu berpakaian berlandaskan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Berpakaianlah dengan elok dan sempurna serta menutup aurat untuk keselesaan dan bukan untuk dipertontonkan. Bersederhana adalah lebih sesuai bagi menjauhkan diri daripada taksub dengan fesyen.


Firman Allah dalam Surah al-Ahzaab ayat 33 yang mafhumnya : “Dan hendaklah kamu sentiasa berada di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan perhiasan kamu (yang wajib ditutup) seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah dahulu.”

Kita juga disarankan agar berhias secara bersederhana dan konsisten bukannya secara berlebihan dan melampaui batas syara’. Batasan yang digariskan oleh syara’ pula bukanlah untuk menyekat kemahuhan dan selera manusia. Semuanya mengandungi hikmat dan tujuan seperti memelihara kemuliaan aqidah, menjauhkan diri dari perbuatan bermegah-megah, sompong, pembaziran, penipuan dan sebagainya. Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman dalam Surah al-A’raaf ayat 31 yang mafhumnya “Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.”

Keyakinan diri, berfikiran positif, profesional, matang dan berkebolehan juga tidak kurang pentingnya bagi meningkatkan prestasi kerja dengan diiringi keimanan kita terhadap Allah

Subhanahu wa Ta’ala kerana dengan iman yang kuat sahaja membolehkan segala pekerjaan yang kita lakukan akan berjalan lancar dan diper mudahkanNya. Firman Allah Subhanahu wa Ta’ala dalam Surah al-Anfaal ayat 27 yang mafhumnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahui.”

رُوكُونُ اخْلَاقٍ دَانِ اِيتِيَّكَا قُرْخَدِمَتْنَ عَوَامٍ Rukun Akhlak & Etika Kerja Perkhidmatan Awam



Selawat Al-Ibrahimiyyah

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ،
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
فِي الْعَالَمَيْنِ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Ertinya:

Ya Allah, berikanlah rahmat ke atas Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam dan ke atas keluarga Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam sebagaimana Engkau memberi rahmat ke atas Nabi Ibrahim dan ke atas keluarga Nabi Ibrahim dan berikanlah keberkatan ke atas Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam dan keluarganya sebagaimana Engkau memberi keberkatan ke atas Nabi Ibrahim dan keluarganya di seluruh alam. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia.

KEISTIMEWAANNYA

Dari Abdullah bin Umar, dia mendengar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud: ...Sesungguhnya orang yang berselawat kepadaku sekali, maka Allah akan berselawat untuknya sepuluh kali...

Selawat ini adalah sebaik-baik selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam kerana selawat ini ditentukan bacaannya di dalam sembahyang.

Qashar dan Jama' Kemudahan Musafir

Musafir ialah orang yang melakukan perjalanan tidak kurang dari dua marhalah yang bersamaan dengan 102 kilometer atau 56 batu bagi tujuan yang diharuskan dan bukan kerana tujuan maksiat. Pergi ke tempat yang jauh atau bermusafir sudah semestinya menimbulkan rasa penat dan terkadang menyulitkan kita untuk mencari tempat sembahyang yang aman, bersih dan selesa. Tetapi itu bukanlah sesuatu yang boleh dijadikan alasan untuk meninggalkan sembahyang fardhu, kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memberikan kemudahan dan keringanan bagi hamba-hambaNya yang sedang bermusafir dengan mengerjakan sembahyang Qashar yang bermaksud dipendekkan dan juga sembahyang Jama' yang bermaksud dikumpulkan.

Orang yang sedang bermusafir bagi tujuan yang diharuskan seperti bekerja ke tempat yang jauh dari tempat tinggalnya, diberi kelonggaran bagi melaksanakan

sembahyang Qashar iaitu memendekkan sembahyang fardhu empat raka'at yang terdiri daripada sembahyang Zuhur, Asar dan Isya' kepada dua raka'at. Sembahyang Qashar boleh dilakukan atas syarat-syarat yang telah ditetapkan, iaitu:

- ❖ Melakukan perjalanan yang tidak kurang dari dua marhalah namun tidak diharuskan melakukan sembahyang Qashar bagi orang yang bermusafir di kampung yang sama dengan tempat tinggalnya meskipun sampai atau melebihi dua marhalah.
- ❖ Musafir itu dilakukan atas tujuan yang diharuskan dan bukan bertujuan maksiat.
- ❖ Sembahyang Qashar yang didirikan itu hanyalah sembahyang fardhu yang mempunyai empat raka'at iaitu Zuhur, Asar dan Isya'.
- ❖ Sembahyang yang diqasharkan itu hendaklah dikerjakan secara tunai dalam perjalanan.

- ❖ Niat Qashar hendaklah dibaca di dalam *takbiratul ihram*.
- ❖ Orang yang melakukan sembahyang Qashar tidak boleh menjadi ma'mum kepada orang yang mengerjakan sembahyang fardhu dengan raka'at penuh.
- ❖ Masih bermusafir hingga selesai sembahyangnya.
- ❖ Hendaklah ia mengetahui syarat sah sembahyang Qashar dan mengetahui sembahyang Qashar itu harus baginya.

Lafaz niat Sembahyang Qashar Zuhur, Asar dan Isya'

أَصْلِي فَرْضَ الظُّهُرِ / الْعَصْرِ / الْعِشَاءَ
 رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا أَدَاءً إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang fardhu Zuhur / Asar / Isya' dua rakaat Qashar tunai menjadi imam / ma'mum kerana Allah Ta'ala.

Dalam masa yang sama juga, orang yang bermusafir ke tempat yang jauh juga diharuskan melakukan sembahyang Jama' iaitu menghimpunkan atau mengumpulkan sembahyang

Zuhur dan Asar dalam satu waktu, dan menghimpunkan atau mengumpulkan sembahyang Maghrib dan Isya' dalam satu waktu. Sembahyang Jama' itu pula terbahagi kepada dua iaitu:

1. Jama' Taqdim yang menghimpuukan sembahyang Zuhur dan Asar dan dikerjakan pada waktu Zuhur dengan didahulukan sembahyang Zuhur dan menghimpunkan sembahyang Maghrib dan Isya' pada waktu Maghrib dengan didahulukan sembahyang Maghrib.
2. Jama' Ta'akhir yang menghimpuukan sembahyang Zuhur dan Asar dan dikerjakan pada waktu Asar dengan didahulukan sembahyang Asar dan menghimpunkan sembahyang Maghrib dan Isya' pada waktu Isya' dengan didahulukan sembahyang Isya'.

Niat Sembahyang Jama' Taqdim

أَصْلِي فَرْضَ الظُّهُرِ أَرْبَعَ / الْمَغْرِبِ
 ثَلَاثَ رَكْعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْعَصْرُ /
 الْعِشَاءُ أَدَاءً إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang fardhu Zuhur empat / Maghrib tiga raka'at dihimpunkan kepadanya Asar / Isya' tunai menjadi imam / ma'mum kerana Allah Ta'ala.

- Hendaklah sembahyang ditunaikan berturut-turut dengan tidak terpisah lama antara kedua sembahyang sekadar iqamah atau dua raka'at ringkas seperti sembahyang Tahiyatul Masjid.

أَصْلِي فَرْضَ الْعَصْرِ أَرْبَعَ / الْعِشَاءُ أَرْبَعَ
رَكْعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى الظَّهِيرَةِ / الْمَغْرِبِ
أَدَاءً إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang fardhu Asar / Isya' empat raka'at dihimpunkan kepada Zuhur / Maghrib tunai menjadi imam / ma'mum kerana Allah Ta'ala.

Niat Sembahyang Jama' Ta'khirk

أَصْلِي فَرْضَ الظَّهِيرَةِ أَرْبَعَ /
الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكْعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى الْعَصْرِ /
الْعِشَاءُ أَدَاءً إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang fardhu Zuhur empat / Maghrib tiga raka'at dihimpunkan kepada Asar / Isya' menjadi imam / ma'mum kerana Allah Ta'ala.

- Hendaklah sembahyang ditunaikan berturut-turut dengan tidak terpisah lama antara kedua sembahyang sekadar iqamah atau dua raka'at ringkas seperti sembahyang Tahiyatul Masjid.

أَصْلِي فَرْضَ الْعَصْرِ / الْعِشَاءُ أَرْبَعَ
رَكْعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى الظَّهِيرَةِ / الْمَغْرِبُ
أَدَاءً إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang fardhu Asar / Isya' empat raka'at dihimpunkan kepada Zuhur / Maghrib tunai menjadi imam / ma'mum kerana Allah Ta'ala.

Orang yang bermusafir juga boleh melaksanakan sembahyang Qashar dan Jama' bersamaan dengan mendekan sembahyang Zuhur, Asar dan Isya' dan mengumpulkan dua rakaat Zuhur bersama dua raka'at Asar dan tiga raka'at sembahyang Maghrib dengan dua raka'at Isya'.



BERHIAS DENGAN MENYAMBUNG RAMBUT

Rambut merupakan “mahkota” bagi wanita. Wanita digalakkan berambut panjang bagi menzahirkan ciri-ciri yang dikhawasukan bagi kaum wanita walaupun pada zahirnya wanita bertudung kerana rambut adalah aurat bagi wanita dan wajib dipelihara daripada pandangan bukan mahram.

Memiliki rambut panjang dan indah bukanlah hal yang mustahil pada masa ini, meskipun kita memiliki rambut yang pendek. Perkara ini dapat direalisasikan dengan mudah dengan adanya pelbagai jenis model rambut yang dijual di pasaran.

Sambung rambut atau yang dikenal dengan *hair extension* adalah perbuatan memanjangkan rambut dengan cara menyambungnya dengan rambut orang lain mahupun dengan rambut palsu yang terbuat dari bahan *sintesis* atau buatan.

Perbuatan menyambung rambut ini sudah wujud sejak zaman Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan ianya merupakan suatu **perbuatan yang terlarang dalam Islam** sebagaimana disebutkan dalam hadits riwayat Imam al-Bukhari, daripada 'Aisyah *Radhiallahu 'anha*, seorang perempuan daripada golongan Anshar, dia telah berkahwin. Dan dia sebenarnya sakit sehingga luruh rambutnya (kerana penyakit itu). Mereka (keluarganya) hendak menyambung rambutnya. Mereka pun bertanya hal itu kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Lalu baginda bersabda:

لَعْنَ اللَّهِ الْوَاصِلَةَ وَالْمُسْتَوْصِلَةَ

Maksudnya:

Allah melaknat orang yang menyambungkan rambut dan orang yang meminta disambungkan rambutnya.

Hadits di atas jelas menerangkan bahawa menyambung rambut dengan rambut yang lain atau meminta orang lain menyambungkan rambutnya dengan rambut yang lain adalah **haram**. Ini kerana menggunakan atau memanfaatkan rambut manusia adalah haram disebabkan kemuliaannya.

Begitu juga halnya menyambung rambut dengan bulu binatang yang tidak boleh dimakan adalah haram disambung denganannya. Manakala jika sambungan itu diperbuat daripada bulu binatang yang suci, maka penyambungan itu hanya dibenarkan bagi wanita yang sudah berkahwin dan ada keizinan suami dengan niat berhias untuk suaminya. Jika disambung dengan selain daripada rambut manusia atau bulu binatang seperti dengan benang, perca, tali sutera dan yang seumpamanya adalah diharuskan.



ABU 'UBAIDAH BIN AL-JARRAH

Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah *Radhiyallahu 'anhu* atau nama sebenarnya Amir bin 'Abdullah bin al-Jarrah bin Hilal al-Fihri al-Quraisy adalah seorang sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan pejuang Islam serta pendorong yang memberi kekuatan dalam sama-sama menegakkan syi'ar Islam.

SALASILAH DAN KETURUNANNYA

Salasilah nasab atau keturunannya bertemu dengan keturunan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* iaitu pada datuknya yang bernama Fihr bin Malik. Ibu 'Ubaidah bin al-Jarrah bernama Umaimah binti Ghunm bin Jabir bin 'Abdul Uzza bin Amir bin Umairah. Ibu Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah telah menerima hidayah daripada Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* dan memilih Islam sebagai agamanya.



Manakala ayahnya iaitu al-Jarrah pula memilih jalan sebaliknya. Beliau adalah seorang pembesar musyrikin Quraisy yang sangat membenci Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan agama Islam. Al-Jarrah telah mengusir Abu 'Ubaidah daripada rumahnya setelah mengetahui anaknya itu memeluk agama Islam dan sejak dari itu Abu 'Ubaidah tinggal bersama-sama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan sahabat-sahabat kaum muslimin yang lainnya. Al-Jarrah telah terbunu di tangan Abu 'Ubaidah sendiri iaitu di dalam pertempuran yang berlaku semasa perang Badar.

PENGISLAMANNYA

Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah termasuk antara mereka yang terdahulu memeluk agama Islam di kalangan

para sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Dipercayai ketika memeluk agama Islam, usia Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah adalah dalam lingkungan 30an. Beliau memeluk Islam bersama 'Abdur Rahman bin 'Auf, 'Utsman bin Mazh'un dan al-Arqam bin Abi al-Arqam iaitu di awal mula kerasulan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan sehari selepas pengislaman Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq.

KETINGGIAN DAN KEMULIAAN AKHLAKNYA

Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah berperwatakan tinggi lampai, kurus, bermuka ceria, amat pemalu tetapi mudah mesra, tawadhu' selalu merendah diri dan sangat amanah. Walaupun Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah seorang yang pemalu akan tetapi beliau memiliki sikap kewibawaan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Di kalangan para sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, beliau merupakan sahabat baginda yang sentiasa berlemah-lembut dalam tingkahlakunya dan dalam berbicara. Namun, di medan peperangan beliau amat tegas, tangkas dan berani walaupun dalam keadaan yang sulit.

'Abdullah bin 'Umar pernah menjelaskan perwatakan Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah yang merupakan di antara orang-orang yang mulia dan tinggi akhlaknya,

sebagaimana yang disebutkan didalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam ath-Thabrani, sesungguhnya 'Abdullah bin 'Umar *RadiAllahu 'anhu* berkata:

"Tiga lelaki Quraisy yang paling berseri wajahnya, paling baik (tinggi) akhlaknya dan sangat pemalu. Jika mereka berkata kepadamu, mereka tidak berdusta. Jika kamu berkata kepada mereka, mereka tidak akan mendustakannya. Mereka adalah Abu Bakar ash-Shiddiq, Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah dan 'Utsman bin 'Affan Radhiallahu 'anhu."

Beliau sangat kasih dan sayang terhadap Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan seluruh kaum baginda melebihi cinta dan kasih sayangnya kepada dirinya dan seluruh keluarganya.

PERJUANGANNYA

Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah terlibat dalam beberapa perang besar seperti perang Badar al-Kubra dan perang Uhud. Beliau turut terlibat dalam beberapa penaklukan Kota Damsyik, Kota Jerusalem selain dilantik sebagai Ketua Tentera dan Gabenor.

Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah merupakan antara sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang sangat kuat dan bersungguh-sungguh membela perjuangan baginda dalam

menyebarluaskan ajaran agama Islam ketika di Kota Mekah, walaupun beliau ditimpa penderitaan dan menerima seksaan daripada kaum kafir Quraisy.

Abu ‘Ubaidah bin al-Jarrah turut berjuang di dalam beberapa perperangan bersama Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* termasuk perperangan awal khasnya ketika menentang kaum kafir Mekah. Manakala di dalam perperangan Badar al-Kubra pula, beliau terpaksa membuat keputusan yang amat berat untuk dilakukannya iaitu membunuh ayahnya sendiri yang menentang perjuangannya dalam menegakkan sy’ar Islam. Beliau sanggup berkorban demi keselamatan Rasulullah walaupun maut yang dihadapinya sehingga mengorbankan seluruh kesenangan hidupnya di dunia demi mencapai kenikmatan hidup di akhirat kelak bersama-sama Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam*. Selama hidupnya, Abu ‘Ubaidah bin al-Jarrah juga telah mengorbankan sebahagian besar harta kekayaannya di dalam perjuangan menentang musuh Islam. Beliau merupakan seorang yang bersifat zuhud, tawadhu’ dan mempunyai iman yang teguh sehingga beliau benci kepada kemewahan hidup yang sering dinikmati tanpa batasan oleh segelintir mereka yang hidup tanpa iman di dada.

KEWAFATANNYA

Abu ‘Ubaidah bin al-Jarrah wafat di negeri Jordan di wilayah Syam iaitu ketika usianya 58 tahun. Beliau wafat sebagai seorang syuhada kerana jangkitan wabak tha’un yang mula merebak di Kota Amwas, Negeri Syam pada akhir tahun 17 Hijrah. Jenazahnya dikebumikan di tempat yang pernah dibebaskannya daripada kekuasaan kerajaan penyembah api dan berhala iaitu Rom dan Parsi.

Abu ‘Ubaidah bin al-Jarrah adalah antara sepuluh orang sahabat Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* yang dijamin masuk syurga sepetimana yang terkandung di dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada ‘Abdurrahman bin Humaid, daripada ayahnya dan daripada Sa’id bin Zaid, telah bersabda Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* yang bermaksud:

“*Abu Bakar di syurga, ‘Umar di syurga, ‘Utsman di syurga, ‘Ali di syurga, Thalhah di syurga, Zubair di syurga, ‘Abdurrahman bin ‘Auf di syurga, Sa’ad di syurga, Sa’id di syurga dan Abu ‘Ubaidah bin al-Jarrah di syurga.*”

Nabi Isa 'Alaihissalam



Nabi Isa dilahirkan di Betlehem, Palestin. Cucu dari Imran, keturunan dari Nabi Ya'kub 'alaihissalam. Nabi Isa lahir tanpa seorang ayah dan memiliki kesalihan dan ketauhidan yang sangat kuat. Nabi Isa digelar al-Masih dan Ibnu Maryam. Sebagai utusan Allah Subhanahu wa Ta'ala, Nabi Isa 'alaihissalam dianugerahkan mu'jizat untuk meyakinkan masyarakat umum. Bagi mereka yang sudah yakin, keimanannya akan makin kuat setelah melihat mu'jizat tersebut. Perkara ini ada disebut dalam Surah Aali 'Imraan ayat 49 yang mafhumnya "Sesungguhnya pada yang demikian itu adalah suatu tanda bagi kamu (yang membuktikan kerasulanku) jika benar kamu orang yang beriman."

Enam mu'jizat kurniaan Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada Nabi Isa 'alaihissalam ialah:

Berbicara ketika Masih Kecil

Nabi Isa 'alaihissalam mampu berbicara dengan lancar dan mengenalkan dirinya kepada masyarakat ketika beliau masih

kecil. Mu'jizat ini dianugerahkan Allah untuk melindungi ibunya, Maryam dari fitnah dan hinaan kaumnya yang menuduh ibunya melahirkannya tanpa ayah. Kata-katanya dijelaskan dalam Surah Maryam ayat 30 dan 31 yang mafhumnya "Sesungguhnya aku

ini hamba Allah, Dia (Allah) akan mengurniakan kepadaku Kitab (Injil) dan menjadikan aku seorang nabi. Dan Dia menjadikan aku seorang yang diberkati di mana sahaja aku berada dan Dia memerintahkan aku supaya mendirikan sembahyang dan membayar zakat selagi aku masih hidup."

Menciptakan Burung Hidup

Nabi Isa 'alaihissalam dianugerahkan mu'jizat menciptakan burung hidup dari tanah liat. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah Aali 'Imraan ayat 49 yang mafhumnya "Sesungguhnya telah datang kepada kamu dengan membawa satu tanda (mu'jizat yang membuktikan tentang kerasulanku) daripada Tuhan kamu, iaitu aku boleh membuat untuk kamu suatu bentuk daripada tanah liat seakan-akan bentuk burung kemudian aku meniupnya lalu ia menjadi seekor burung (yang hidup) dengan izin Allah."

Menghidupkan Orang yang Sudah Mati

Nabi Isa 'alaihissalam mampu menghidupkan orang yang sudah meninggal dunia. Dalam Surah al-Maa'idah ayat 110 yang mafhumnya "Dan (ingatlah) ketika engkau mengeluarkan orang-orang mati (dari kubur menjadi hidup) dengan izinKu."

Menyembuhkan Orang yang Buta dan Sakit

Nabi Isa 'alaihissalam dikisahkan menyembuhkan umatnya dari penyakit kusta dan mengembalikan penglihatan mereka yang buta sejak lahir. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah al-Maa'idah ayat 110 yang mafhumnya "Dan engkau juga boleh menyembuhkan orang yang buta (sejak lahir) dan orang yang sopak dengan izinKu."

Mengetahui Rahsia Orang Lain

Nabi Isa 'alaihissalam mampu mengetahui rahsia orang lain. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah al-Jinn ayat 26 dan 27 yang mafhumnya "Dia yang mengetahui segala yang ghaib tetapi Dia tidak menzhirkan pengetahuan ghaibNya itu kepada sesiapapun. Melainkan kepada rasul yang diredhaiNya maka sesungguhnya Dia mengadakan penjaga-penjaga (malaikat-malaikat) di hadapan dan di belakangnya."

Turunnya Makanan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala

Di penghujung puasa, pengikut Nabi Isa 'alaihissalam, Al-Hawariyyun kehabisan makanan. Lalu mereka meminta Nabi

Isa supaya memohon kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk mengirimkan makanan dengan mengatakan seandainya permohonan mereka dikabulkan ianya akan memperkuat keyakinan mereka.

Sesuai keinginan pengikutnya, Nabi Isa pun memohon kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-Maa'idah ayat 115 yang mafhumnya "Sesungguhnya Aku akan menurunkannya (hidangan itu) kepada kamu tetapi sesiapa antara kamu yang kafir sesudah (turun hidangan itu) maka sesungguhnya Aku akan mengazabnya dengan azab yang tidak pernah Aku timpakan kepada seorang pun daripada sekalian manusia (pada zaman ini)."





PESAN NINI KEPADA CUCU TENTANG KEMERDEKAAN

(Puisi 30 Tahun Merdeka)

Hari ini tiga puluh tahun dahulu
bis nini berusia 40-an
kuat lutut tegap badan
penuh semangat berhari kebangsaan

Dan sebelumnya tidak sampai dua bulan
bis nini bahauman sepadang halaman
berdiri dalam susun atur barisan
berkerusi kiri kanan dais orang kenamaan

Saatnya itu Brunei memasyhurkan
dirinya yang sedia berdaulat
mengambil alih semula martabat
tanggungjawab penuh tidak melilih
tanpa gejolak tindih menindih
makanya luar dalam tiada dipipih
- bulat sepenuhnya diusung
- tidak seperti helang menanggung

Sambil mengucapkan salam
damai seantero alam
menghulur menjawat

tangan berjabat erat
seerat ikatan hasrat
seisi Brunei selaut sedarat
akan diusahakan mengelok parasnya
- dengan niat mensejahterakan rakyat
- mengutuhkan wilayah kekal berdaulat.
watikah Permasyhuran rantang sebutannya
tekad merdeka siratan makna
azam Raja "adil berdaulat menaungi nusa
memimpin rakyat kekal bahagia"
maka tepat sekali sambutannya
bukan sorak gemuruh pekik merdeka
dan bukan sembarangan orang mengulukannya
melainkan cukup dengan sukna dayannya.

Meyakini mulut masin lagi berkat
"Allahu Akbar" kuluman kalimat
menghilangkan khawatir pilihan tepat
tidak setakat pembangkit semangat
makanya bergema ke laut ke darat
diresapkan ke nadi dan saraf
bagaikan menjadi sumpah keramat
- rambat dibubul dari candiknya
- lengkap dibatui pada kukunya
harap cucu-cucu sekalian ingat
adat bersumpah resam berpantang
- dilangkahi tuahnya hilang
- dicuca tuahnya terbilang
- makanya cucu-cucu diasuh ditatang
- jangan capi-capi tingkah laku
- mulut manis bukan di bibir bertanam tebu.
Tiga puluh tahun itu berlalu
dalam siluk-biluk dan liku-liku
bis nini menyambut kelahiran kamu
membesar punya acara dan punya gaya
di tanah air sendiri jadi warga dunia
semoga saja cucu-cucu tahu diri

Brunei merdeka akan
hanya sisah
jika generasi awal lalai leka generasi
bis nini pangling mata
dan generasi bapa-mama iski menerimanya.

Dan setelah tiga puluh tahun kini cucu-cucu berada
di sana sini
jangan menadah setapak tangan
jangan menggenggam seampap jari.

Makanya demikian wahai cucu-cucu nini
hari Kebangsaan baru ketiga puluh kali
mungkin saja akan lebih hitungan aniversari
andainya bis nini menumpangkan diri
apabila merdeka dituntut dan diberi
sana sini ghairah mahu menjawati
melupakan sumpah umanat datu nini
sebuah kedaulatan mahkota negeri
berpasak bertiang dengan payungnya
lalu bis nini membulatkan hati
memulangkan sirih ke gagangnya
memulangkan pinang ke tampuknya.

Itulah Brunei tanah air kita
merdekanya bukan saja-saja
kerananya bis nini bahauman di padang
mentakbirkannya tiada walang
menyambutnya dengan syukur
calak Brunei bentuk rupanya
terang dirantang jelas disebut
negara MIB takah dan takuknya
kena dengan demokratiknya
tentu dengan dasar ajarannya
Islam Ahlissunah wal Jama'ah pegangannya.

Karya:

BADARUDDIN H.Q.